

9

Perkembangan Dalam Sistem Kewangan

Dasar Kewangan

Separuh pertama tahun 1994 menyaksikan pengendalian aktif dasar kewangan oleh Bank Negara Malaysia. Pada akhir tahun 1993 dan awal 1994, beberapa peristiwa di sektor kewangan yang sebahagian besarnya dikuasai oleh aliran masuk dana asing yang tinggi ke dalam negara, telah mengubah tumpuan utama dasar kewangan dalam tahun 1994. Aliran masuk dana yang besar dalam tempoh ini, yang terdiri sebahagian besar daripada dana spekulasi jangka pendek, telah mengakibatkan keadaan ketidakstabilan dalam pasaran wang dan pertukaran asing yang seterusnya merumitkan pengurusan kewangan. Sehubungan dengan itu, dengan matlamat untuk menjamin kestabilan kewangan dan mengawal tekanan inflasi, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah kewangan termasuk enam langkah pentadbiran yang ditumpukan terutamanya dalam tempoh suku pertama tahun 1994. Langkah-langkah ini, walau bagaimanapun, adalah bermaksud untuk jangka pendek, dilaksanakan sepenuhnya untuk mengawal pengaliran masuk dana untuk tujuan spekulasi agar menghadkan kesan yang tidak dikehendaki ke atas kestabilan kecairan, penawaran wang dan inflasi.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, keperluan rizab berkanun (SRR) institusi perbankan telah dinaikkan dua kali, sebanyak satu mata peratusan setiap kali, daripada 8.5% kepada 10.5% berkuatkuasa mulai 3 Januari dan 16 Mei 1994 dan telah menyerap sejumlah RM3.1 bilion. Berkuatkuasa mulai tempoh asas 16 hingga 31 Januari 1994, institusi perbankan juga dikehendaki menyediakan rizab tambahan dalam akaun berkanun dan keperluan kecairan, meliputi semua dana dari luar negeri, yang merupakan langkah pertama dalam beberapa siri langkah-langkah baru.

Di samping itu, dengan berkuatkuasa mulai 17 Januari 1994, kedudukan tanggungan luar bersih bagi setiap institusi perbankan, selepas menolak aliran masuk dana yang berkaitan dengan perdagangan atau untuk tujuan pelaburan tulen di Malaysia, adalah dikenakan had bumbung yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. Pakej kewangan juga meliputi pengenaan larangan ke atas penjualan instrumen kewangan jangka pendek oleh pemastautin kepada bukan pemastautin yang berkuatkuasa mulai 24 Januari 1994. Walau bagaimanapun, menjelang separuh pertama tahun 1994, apabila unsur-unsur ketidakstabilan berkurangan dan kebanyakan dana spekulasi dapat dibendung, langkah ini telah dilonggarkan berkuatkuasa mulai 12 Ogos 1994. Bank Negara Malaysia juga mengkehendaki bank-bank perdagangan menempatkan ringgit dana dari institusi perbankan asing di dalam akaun vostro tanpa faedah di Bank Negara Malaysia berkuatkuasa mulai 2 Februari 1994, dengan tujuan untuk 'sterilise' baki yang besar yang tidak digunakan dalam akaun vostro bukan pemastautin. Dana yang ditempatkan dalam akaun semasa vostro tanpa faedah di BNM, walau bagaimanapun adalah bebas daripada sebarang sekatan pengeluaran. Walaupun baki ini pada awalnya tertakluk kepada keperluan rizab berkanun dan kecairan, namun sekatan tersebut telah dilonggarkan berkuatkuasa mulai 16 Mei 1994. Akhirnya, pada 23 Februari 1994, bank perdagangan diarahkan supaya tidak terlibat dalam urus niaga swap dan urus niaga hadapan dari segi bida dengan pelanggan asing. Sekatan ini telah ditarik balik mulai 16 Ogos 1994. Berikutan dari itu, memandangkan lebih kecairan masih wujud dalam sistem perbankan dan pertumbuhan kewangan yang masih tinggi, berkuatkuasa mulai 1 Julai 1994, Bank Negara Malaysia mengenakan tambahan satu mata peratusan lagi dalam SRR institusi perbankan menjadikannya meningkat kepada 11.5%, dan telah berjaya menyerap RM1.6

bilion. Sebagai tambahan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan isu pertama bil Bank Negara (BBN) untuk tahun 1994 pada 29 Jun 1994. Sehingga pertengahan bulan Ogos 1994, sejumlah RM3.2 bilion BBN baru telah dikeluarkan.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, kadar pertumbuhan tahunan bagi ketiga-tiga agregat kewangan kekal pada paras tinggi. Ini terutamanya dialami oleh penawaran kewangan yang lebih luas, M3, yang meningkat kepada 29% pada akhir Mac 1994, berbanding dengan 17.9% pada akhir Mac 1993 dan 23.5% pada akhir Disember 1993. Pertumbuhan kewangan yang tinggi dalam tempoh suku pertama didorong terutamanya oleh aliran masuk dana asing yang berterusan terutamanya dalam bulan Januari (RM13.5 bilion). Walau bagaimanapun, pertumbuhan agregat kewangan lebih luas ini telah menunjukkan tanda-tanda menjadi sederhana pada akhir separuh pertama tahun 1994, apabila M3 mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 21.6% pada akhir bulan Jun. Begitu juga, penawaran wang M2 menjadi sederhana dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 22.9% pada akhir bulan Jun 1994, selepas melonjak kepada 31.4% pada akhir bulan Mac 1994 (17.3% pada akhir Jun dan 22.1% pada akhir Disember 1993). Namun demikian, wang secara kecil M1, yang telah merosot pertumbuhannya kepada 25.3% pada akhir Mei 1994 daripada 37.5% pada akhir bulan Disember 1993, meningkat semula pada bulan Jun dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 31.7%, mencerminkan peningkatan yang besar dalam deposit semasa termasuk deposit mata wang asing.

Kemasukan dana asing yang besar ke dalam negara terutamanya dalam tempoh suku pertama merupakan faktor penting yang menyebabkan pertumbuhan kewangan dalam tempoh separuh pertama 1994, mengatasi kredit yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta, kecuali bagi bulan Jun, telah meningkat pada kadar sederhana. Rizab antarabangsa baru Bank Negara Malaysia, selepas meningkat sebanyak RM16.2 bilion dalam bulan Disember 1993, terus meningkat lagi sebanyak RM14.4 bilion dalam tempoh suku pertama. Dalam tempoh Januari hingga Jun, walau bagaimanapun, rizab hanya meningkat sebanyak RM7.7 bilion, setelah kedudukannya berkurangan dalam suku kedua. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, pemberian pinjaman kepada sektor swasta oleh

sistem perbankan kekal sederhana. Pertumbuhan yang sederhana ini, yang berjumlah RM3.5 bilion atau 1.8% menggambarkan peningkatan dalam pinjaman terutama pada bulan Jun (RM3.4 bilion pinjaman oleh syarikat kewangan bagi tujuan penggunaan kredit dan pembelian stok dan saham), berbanding dengan RM7.8 bilion atau 4.7% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Kadar perlahan dalam aktiviti pemberian kredit adalah terutamanya disebabkan oleh penggunaan alternatif lain bagi sumber pembiayaan oleh perusahaan-perusahaan perniagaan. Sebagai menggambarkan kedudukan kewangan Kerajaan yang kukuh, pembiayaan melalui peminjaman dalam negeri adalah tidak ketara. Oleh itu, operasi Kerajaan dalam tempoh itu terus menambah tekanan ke atas kesan negatif terhadap pertumbuhan kewangan.

Dalam situasi kecairan yang lebih dari mencukupi, kadar faedah telah merosot daripada paras pada akhir tahun 1993. Kadar faedah purata pasaran harian antara bank bagi wang semalaman dan wang tiga bulan berkurangan secara menyeluruh kepada di antara 3.6% hingga 4.5% setahun pada pertengahan bulan Ogos 1994, daripada 6.3% hingga 6.6% setahun pada bulan Disember 1993. Kadar faedah yang lebih rendah dalam suasana permintaan sederhana terhadap kredit oleh sektor swasta memberi ruang kepada Bank Negara Malaysia untuk mengambil tindakan wajar untuk mengecilkan perbezaan kadar faedah antara Malaysia dan negara-negara utama, memandangkan ini adalah merupakan salah satu faktor yang merangsang aliran masuk bagi tujuan spekulasi dari luar negeri. Pertukaran ringgit yang mengalami turun-naik yang mendadak dalam tempoh suku pertama adalah berpunca daripada aktiviti spekulasi, menunjukkan arah aliran yang lebih stabil menjelang akhir suku kedua. Pada bulan Ogos, ringgit telah diurusniagakan pada lingkungan US\$1=RM2.547 hingga RM2.593.

Pengendalian dasar kewangan yang aktif berikutan dengan pelaksanaan beberapa langkah dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 telah menampakkan kesan. Sejumlah besar aliran masuk dana spekulasi yang menyebabkan ketidakstabilan telah dapat dikurangkan dan kestabilan telah dapat dipulihkan semula dalam pasaran wang dan pertukaran asing. Dari segi harga, kadar inflasi terus menjadi sederhana dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (4%), menunjukkan peningkatan yang lebih rendah sebanyak 3.2% pada bulan Jun, daripada paras tertinggi sebanyak

5% pada bulan Februari. Dalam tempoh ini, pertumbuhan agregat kewangan terus berkurangan. Bagi tempoh selanjutnya dalam tahun 1994, matlamat Kerajaan adalah untuk terus berusaha ke arah mencapai kestabilan harga dan pengurusan yang berkesan ke atas lebihan kecairan dalam sistem. Ini adalah untuk mengelakkan daripada sebarang peningkatan semula dalam tekanan inflasi dan jangkaan inflasi supaya menyediakan satu persekitaran yang sesuai untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. Oleh itu, dasar kewangan yang ketat akan terus diambil bagi tempoh separuh kedua tahun 1994.

Penawaran Wang


Pertumbuhan penawaran wang yang berkembang pesat pada tempoh separuh kedua tahun 1993 dan pada suku pertama tahun 1994, menjadi sederhana pada suku kedua tahun 1994. Dalam tempoh ini, dasar kewangan yang digunakan masih kekal ketat. Perhatian juga terus ditumpukan bagi membendung aliran masuk dana spekulasi dan memulihkan kestabilan dalam pasaran wang dan pertukaran asing. Pertumbuhan yang tinggi dalam tempoh suku pertama adalah disebabkan terutamanya oleh gangguan-gangguan jangka pendek dari luar yang timbul dari aliran masuk modal jangka pendek yang besar. Walau bagaimanapun, pinjaman kepada sektor swasta yang mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan, telah menyederhanakan peningkatan keseluruhan dalam pertumbuhan kewangan. Di samping itu, dengan pengurangan aliran masuk dana spekulasi yang dialami pada awal tahun 1994, ini telah menyumbang kepada penurunan yang lebih ketara dalam pertumbuhan kewangan.

Wang secara kecil, **M1**, yang didefinisikan meliputi mata wang dalam edaran dan deposit semasa sektor swasta, meningkat sebanyak 4.8% kepada RM43,794 juta pada akhir bulan Jun 1994 (daripada RM41,792 juta pada akhir tahun 1993), berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 9.4% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Permintaan terhadap mata wang dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 adalah lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun 1993, iaitu meningkat sebanyak 6% kepada RM14,352 juta pada akhir Jun 1994 (Januari-Jun 1993: 0.9%) menggambarkan kos melepas yang rendah kesan dari regim kadar faedah yang lebih rendah. Pada masa

Carta 9.1

Arah Aliran Kewangan

Penawaran Wang ^{1/}
(Perubahan tahunan)



yang sama, bagi menunjukkan kadar aktiviti yang rendah dalam pasaran saham dalam negeri dan pengeluaran baki akaun semasa bagi pembayaran urus niaga, deposit semasa meningkat sebanyak 4.2% kepada RM29,442 juta pada akhir bulan Jun 1994, daripada RM28,259 juta pada akhir tahun 1993, berbanding dengan kenaikan sebanyak 15% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pertumbuhan tahunan M1, menjadi sederhana kepada 31.7% pada akhir bulan Jun 1994, berbanding dengan 37.5% pada akhir tahun 1993 dan 48.4% pada akhir bulan Februari 1994.

Pertumbuhan dalam penawaran wang secara luas, **M2**, yang merangkumi M1, dan separa wang (meliputi pemegangan sektor swasta ke atas deposit tetap dan tabungan dengan bank perdagangan, sijil deposit boleh niaga (SDB) yang dikeluarkan oleh bank dan perjanjian pembelian semula), meningkat sebanyak 8% kepada RM151,018 juta pada akhir bulan Jun 1994, berbanding dengan 7.3% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pertumbuhan M2 dalam tempoh yang

dikaji mencerminkan pertumbuhan dalam separa wang yang meningkat sebanyak 9.4% kepada RM107,224 juta, daripada RM90,008 juta pada akhir tahun 1993 (Januari-Jun 1993:6.6%). Komponen-komponen separa wang lain dengan bank perdagangan, kecuali perjanjian pembelian semula, mencatatkan peningkatan secara mutlak. Kenaikan ini didorong oleh deposit tetap tradisional yang menyumbangkan sebanyak 52% kepada pertumbuhan separa wang, diikuti oleh deposit tabungan (24.5%) dan SDB (23.6%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan deposit tetap dalam separuh pertama tahun 1994 (7.1%) adalah lebih rendah daripada kenaikan dalam tempoh yang sama tahun 1993 (10.5%) disebabkan oleh kadar pulangan yang rendah yang mencerminkan paras kadar faedah yang lebih rendah berbanding dengan paras pada akhir tahun 1993. Sebaliknya, deposit tabungan telah mencatatkan pertumbuhan tinggi yang lebih dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 (12.4%), berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1993 (5.8%). Perkara yang ketara dalam pertumbuhan SDB ialah pemegangan asing yang besar iaitu kira-kira RM4 bilion pada awal tahun yang kemudiannya merosot pada bulan April, apabila cukup tempoh matang disebabkan oleh pelaksanaan langkah menghalang bukan pemastautin daripada memegang instrumen kewangan jangka pendek yang berkuatkuasa mulai 24 Januari 1994. Langkah ini, walau bagaimanapun, kemudiannya telah dilonggarkan berkuatkuasa mulai 12 Ogos 1994.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, pertumbuhan dalam agregat kewangan lebih luas, **M3**, yang merangkumi M2 dan deposit sektor swasta (termasuk perjanjian pembelian semula) yang ditempatkan dengan syarikat kewangan, bank saudagar dan Bank Islam tetapi tidak termasuk penempatan dana di antara institusi-institusi ini, kekal tinggi pada paras 7.1%, berbanding dengan 8.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Syarikat kewangan kekal sebagai penggerak deposit sektor swasta yang kedua terbesar dalam sistem perbankan dan bank saudagar mencatatkan pengeluaran bersih dalam tempoh separuh pertama tahun 1994.

Pengembangan kewangan dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, adalah didorong terutamanya oleh **sektor luar** yang berpunca dari aliran masuk dana daripada luar, yang sebahagian besarnya berlaku pada bulan Januari. Aliran masuk meliputi sejumlah besar wang jangka pendek, telah menyebabkan rizab antarabangsa bersih Bank

Negara Malaysia meningkat sebanyak RM11,128 juta kepada RM87,563 juta pada akhir bulan Jun 1994. Tanggungan luar bersih bagi sistem perbankan telah meningkat sebanyak RM3,708 juta kepada RM24,434 juta pada akhir bulan Jun 1994. Oleh itu, aliran masuk bersih rizab asing sektor swasta bukan bank meningkat sebanyak RM7,420 juta (Januari-Jun 1993: RM7,718 juta). Langkah-langkah dasar kewangan jangka pendek yang dilaksanakan pada awal tahun 1994 bagi menyekat ketidakstabilan yang disebabkan oleh dana spekulasi jangka pendek telah menyumbang kepada penyederhanaan dalam aliran masuk bersih asing pada suku kedua. Sejak akhir tahun 1992, operasi sektor luar telah mengatasi operasi pemberian pinjaman sektor swasta menjadikannya sebagai pendorong utama kepada pertumbuhan kewangan.

Bagi mencerminkan setakat tertentu langkah-langkah kewangan yang dilaksanakan sejak awal tahun dan tindakan mendapatkan pembiayaan alternatif selain daripada peminjaman bank oleh perusahaan perniagaan, pemberian pinjaman kepada sektor swasta oleh institusi perbankan dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 menjadi sederhana. Di samping itu, di sebalik penurunan kadar faedah, permintaan terhadap kredit tidak meningkat dengan ketara. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan, tidak termasuk Bank Negara Malaysia, meningkat pada kadar tahunan sebanyak 8.6% pada akhir bulan Jun 1994, berbanding dengan 10% pada akhir bulan Jun dan 11.8% pada bulan Disember 1993. Pada separuh pertama tahun 1994, pinjaman meningkat sebanyak RM3,570 juta atau 2% kepada RM185,372 juta pada akhir bulan Jun (peningkatan sebanyak 4.8% pada tempoh yang sama 1993). Sebahagian besar daripada pinjaman baru dalam tempoh bulan Januari hingga Jun 1994 adalah dikeluarkan kepada individu bagi pembelian stok dan saham (RM2,275 juta), diikuti oleh kredit penggunaan (RM921 juta) dan bagi tujuan perkilangan (RM899 juta). Perlu diingat bahawa pertumbuhan pinjaman merosot dengan ketara disebabkan oleh pembayaran balik bersih sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (RM3,258 juta) yang dicerminkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih firma broker saham akibat dari pelupusan berpunca daripada aktiviti pasaran saham yang lebih perlahan sejak awal tahun 1994. Tambahan lagi, sektor harta benda secara luas juga mencatatkan pembayaran balik

bersih dalam tempoh tersebut (-RM132 juta) terutamanya oleh sektor kecil hartanah (-RM1,208 juta). Berhubung dengan institusi, pemberian pinjaman baru kepada sektor swasta diterajui oleh syarikat kewangan yang berjumlah 84.5%, sementara bank perdagangan berjumlah sebanyak 14% daripada pinjaman baru.

Operasi kewangan **Kerajaan** terus menambahkan kesan negatif ke atas penawaran wang (RM3,868 juta) pada tempoh separuh pertama tahun 1994, menggambarkan sebahagian besarnya peningkatan dalam deposit Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia (RM4,507 juta). Dengan kedudukan kewangan Kerajaan yang sihat, peminjaman dalam negeri dari sistem perbankan dalam bentuk penjualan kertas Kerajaan, adalah tidak ketara. "Pengaruh lain", merangkumi faktor-faktor 'residual' (termasuk faedah yang tidak diagihkan, modal berbayar dan rizab sistem perbankan dan BBN yang dipegang oleh sektor swasta bukan bank) telah berkembang dan menyumbang kepada penawaran wang sebanyak RM6,948 juta pada tempoh separuh pertama tahun 1994.

Bagi tempoh selanjutnya dalam tahun 1994, Bank Negara Malaysia akan terus mengawasi ketiga-tiga agregat kewangan dan memastikan pengembangan kewangan adalah tidak keterlaluan bagi membendung tekanan harga. Teras utama dasar kewangan Bank Negara Malaysia akan diteruskan bagi memastikan kestabilan harga dan mengurangkan tekanan dan jangkaan inflasi demi menyediakan suasana sesuai bagi pencapaian pertumbuhan ekonomi yang terus mampan.

Kecairan Bank dan Pasaran Wang

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, sistem perbankan terus dibanjiri dengan lebih kecairan, ditambah pula dengan lebih kecairan terkumpul sejak tahun-tahun lepas. Sumber utama lebih kecairan adalah dari aliran masuk dana dari luar negeri. Asas ekonomi yang kukuh, kedudukan imbalan pembayaran yang bertambah baik dan perbezaan kadar faedah yang ketara dan menyebelahi Malaysia pada awal tahun 1994 mendorong aliran masuk modal yang besar ke dalam negeri. Berikutan dari itu, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan enam langkah pentadbiran pada awal tahun, bertujuan untuk menangani aktiviti spekulasi yang tinggi bagi mengembalikan kestabilan dalam pasaran wang

dan pertukaran asing. Bank Negara Malaysia seterusnya berpendapat untuk melonggar dan menarik balik beberapa langkah apabila kestabilan dalam pasaran telah dipulihkan semula. Sebagai satu langkah tetap untuk menyerap lebih kecairan, Bank Negara Malaysia telah menaikkan SRR sebanyak satu mata peratusan kepada 9.5% dari 8.5% daripada asas tanggungan layak institusi bank pada 3 Januari 1994. Pada 16 Mei 1994, SRR dinaikkan buat kali kedua tahun 1994 sebanyak satu mata peratusan kepada 10.5%. Seterusnya, Bank Negara Malaysia menaikkan SRR sebanyak satu mata peratusan lagi kepada 11.5% berkuatkuasa mulai 1 Julai 1994. Sebagai tambahan, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan Bil Bank Negara tambahan berjumlah RM4.4 bilion dalam nilai nominal bagi tempoh Januari hingga September 1994. Pada masa yang sama, Kerajaan Persekutuan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus menempatkan lebih dana masing-masing di Bank Negara Malaysia.

Aliran masuk dana yang besar telah menyebabkan pertumbuhan agregat kewangan yang tinggi walaupun operasi penyerapan telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia. Pertumbuhan tahunan agregat kewangan yang lebih luas M3, meningkat kepada 29% pada akhir bulan Mac 1994 yang kemudiannya menjadi sederhana kepada 20.1% pada akhir bulan Julai 1994. Kadar ini, walau bagaimanapun, tetap tinggi jika dibandingkan dengan 17.5% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Akibat daripada aliran masuk modal yang besar, jumlah deposit (termasuk perjanjian pembelian semula) sistem perbankan mencatatkan peningkatan sebanyak 4.6% atau RM9,504 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, berbanding dengan 8.1% atau RM13,492 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sebahagian besar dari deposit baru adalah digerakkan oleh bank perdagangan (RM6,120 juta atau 64.4% dari jumlah deposit baru) dan syarikat kewangan (RM3,283 juta atau 34.6%), sementara bank saudagar pula menggerakkan hanya RM102 juta (1%). Dalam tempoh tersebut, deposit tetap menyumbangkan bahagian terbesar (45.3%) daripada jumlah deposit baru yang digerakkan oleh sistem perbankan.

Permintaan untuk kredit bank, walau bagaimanapun, terus lemah meskipun terdapat pertambahan deposit yang besar. Jumlah pemberian pinjaman sistem perbankan hanya

mencatatkan kenaikan sebanyak RM5,913 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, daripada RM170,776 juta pada akhir tahun 1993, disebabkan oleh kedudukan aliran tunai sektor swasta yang lebih baik kesan dari prestasi perniagaan yang terus menggalakkan dan pasaran modal yang melambung dalam tahun 1993. Kadar faedah yang rendah di luar negara juga telah menggalakkan sektor swasta mendapatkan pinjaman luar negeri yang lebih murah. Walau bagaimanapun, pinjaman ini terutamanya digunakan untuk membiayai semula pinjaman yang lebih mahal yang dibuat pada tahun-tahun terdahulu.

Memandangkan pertumbuhan deposit melebihi pinjaman dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, sistem bank mencatatkan lebih pinjaman-deposit sebanyak RM38 bilion. Akibatnya, nisbah pinjaman-deposit terus jatuh daripada 83.2% pada akhir tahun 1993 kepada 82.3% pada akhir bulan Julai 1994. Jumlah pegangan aset cair sistem perbankan meningkat daripada RM23,682 juta pada akhir tahun 1993 kepada RM26,900 juta pada akhir bulan Julai 1994. Oleh yang demikian, nisbah kecairan sistem perbankan pada akhir bulan Julai 1994 adalah sebanyak 15.9% (16.2% pada akhir tahun 1993).

Aktiviti dalam pasaran wang tetap cergas dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, dengan jumlah bulanan dana yang diurusniagakan dalam pasaran wang antara bank sebanyak RM57.8 bilion pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan RM62.1 bilion pada akhir bulan Disember tahun 1993. Sebahagian besar urus niaga terus tertumpu dalam urus niaga wang semalaman, yang merupakan 71.6% daripada jumlah urus niaga dalam tempoh tersebut.

Bagi menggambarkan keadaan lebih kecairan, kadar faedah antara bank menurun dalam tempoh tujuh bulan pertama 1994. Kadar harian purata pasaran antara bank untuk wang semalaman hingga tiga bulan, merosot sebanyak 2 hingga 2.2 mata peratusan kepada 4.1% hingga 4.5% setahun pada akhir bulan Julai 1994, daripada antara 6.3% hingga 6.5% setahun untuk wang semalaman dan wang tiga bulan pada akhir tahun 1993. Kadar deposit yang ditawarkan oleh institusi bank juga merosot. Mod kadar deposit tetap yang ditawarkan oleh bank perdagangan bagi deposit 12 bulan merosot sebanyak 1.3 mata peratusan kepada 5% pada akhir bulan Julai 1994. Bagi syarikat kewangan, kadar deposit tetap juga

menunjukkan arah aliran yang menurun dengan kadar deposit untuk 12 bulan merosot sebanyak 1.2 mata peratusan kepada 5.2% setahun pada akhir bulan Julai 1994, daripada kedudukan akhir tahun 1993.

Kebanyakan institusi perbankan telah menurunkan kadar pemberian pinjaman asas (KPPA) memandangkan lebih kecairan yang wujud dalam ekonomi dan kejatuhan dalam kos dana. Mod KPPA bank perdagangan dan syarikat kewangan merosot sebanyak 1.1 hingga 1.75 mata peratusan kepada 7.4% hingga 8.75% setahun pada akhir bulan Julai 1994, daripada 8.5% dan 10.5% setahun pada akhir tahun 1993. Walau bagaimanapun, mod kadar deposit simpanan bagi bank perdagangan kekal pada kadar 3.25% setahun, sementara bagi syarikat kewangan, kadar telah merosot sebanyak 1 mata peratusan kepada 4% setahun pada akhir bulan Julai 1994 daripada kadar pada akhir tahun 1993.

Selaras dengan perkembangan perbankan Islam, Bank Negara Malaysia pada 3 Januari 1994, telah memperkenalkan pasaran wang antara bank secara Islam (IIMM). IIMM ini akan melengkapi pasaran wang antara bank konvensional dan pada masa yang sama, meluaskan lagi sistem kewangan Islam. Dengan terlaksananya IIMM, Malaysia dianggap sebagai negara pertama di dunia yang mempunyai pasaran wang secara Islam. Semua bank konvensional yang mengambil bahagian dalam Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) adalah dibenarkan mengurusniagakan instrumen kewangan Islam seperti penerimaan jurubank Islam. IIMM meliputi tiga aspek berikut:

- (i) perniagaan instrumen kewangan Islam di antara Bank Islam dan bank-bank yang menawarkan SPTF;
- (ii) penubuhan satu mekanisme dikenali sebagai Pelaburan Mudharabah Antara Bank (berkongsi keuntungan) di mana lebih dana oleh bank yang menawarkan SPTF (termasuk Bank Islam) boleh melabur dalam bank yang menawarkan SPTF yang mengalami defisit untuk jangka masa semalaman hingga 12 bulan; dan
- (iii) penubuhan sistem penjelasan cek antara bank secara Islam (IICCS), di mana semua cek dari Bank Islam dan bank perdagangan yang menawarkan SPTF akan dijelaskan di Rumah Penjelasan Automatik Kuala Lumpur (KLACH) berasaskan Islam.

Sejak pelancaran IIMM, jumlah urus niaga pasaran wang Islam berjumlah RM1.35 bilion. Walaupun pasaran wang Islam masih di peringkat awal, setakat ini prestasinya adalah menggalakkan dan dijangka akan terus berkembang pada masa hadapan.

Syarikat Diskaun

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, operasi syarikat diskaun berkembang dengan ketara selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. **Jumlah sumber** syarikat diskaun meningkat dengan ketara sebanyak RM1,391 juta atau 20.2% kepada RM8,290 juta, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM679 juta atau 12% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam **deposit baru (termasuk perjanjian pembelian semula)** yang digerakkan oleh syarikat diskaun yang meningkat sebanyak RM1,304 juta atau 19.6% kepada RM7,945 juta pada akhir bulan Julai 1994. Deposit baru terutamanya ditempatkan oleh bank-bank perdagangan, bank saudagar, badan-badan berkanun dan lain-lain institusi kewangan, sementara syarikat kewangan dan perusahaan perniagaan mengurangkan deposit mereka sebanyak RM139 juta dan RM17 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Bank perdagangan merupakan penyumbang utama kepada deposit baru syarikat diskaun dengan jumlah sumbangan sebanyak RM822 juta atau 63%, diikuti oleh badan berkanun (RM292 juta atau 22.4%) dan bank saudagar (RM130 juta atau 10%).

Di sebalik peningkatan ketara dalam sumber, **jumlah pelaburan** syarikat diskaun meningkat sederhana sebanyak RM296 juta atau 5.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, berbanding dengan RM302 juta atau 5.6% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Kenaikan ini disebabkan terutamanya oleh operasi Bank Negara Malaysia menyerap kecairan, yang mengakibatkan sebahagian besar dari sumber syarikat diskaun diserap sebagai deposit jangka pendek dengan Bank Negara Malaysia. Dari segi komponen, pelaburan dalam sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat dengan ketara sebanyak 22% kepada RM2,488 juta pada akhir bulan Julai 1994, yang merupakan 46% daripada jumlah pelaburan. Walau bagaimanapun, pegangan dalam MGS oleh syarikat diskaun merosot sebanyak RM125 juta kepada RM476 juta pada akhir bulan Julai 1994 (MGS

merupakan 8.8% daripada jumlah pelaburan syarikat diskaun pada akhir bulan Julai 1994). Begitu juga, pegangan dalam SDB, bon Cagamas dan penerimaan jurubank telah merosot sebanyak 29.4%, 14.5% dan 0.7%. Dari segi sumbangan kepada jumlah pelaburan syarikat diskaun, instrumen ini menyumbangkan sebanyak 39.2% bernilai RM2,121 juta pada akhir bulan Julai tahun 1994.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, jumlah urus niaga sekunder syarikat diskaun dalam berbagai jenis instrumen mencatatkan kenaikan yang tinggi berjumlah RM30,755 juta berbanding dengan RM24,512 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993. Lebih banyak urus niaga dicatatkan dalam MGS, bon Cagamas, bil Perbendaharaan dan PDS, sementara urus niaga dalam SDB dan penerimaan jurubank mengalami kemerosotan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, jumlah belian dan jualan PDS, bon Cagamas, MGS dan bil Perbendaharaan, meningkat sebanyak RM5,435 juta, RM1,433 juta, RM1,046 juta dan RM350 juta. Walau bagaimanapun, belian dan jualan penerimaan jurubank merosot kepada RM6,736 juta dan SDB kepada RM282 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, berbanding dengan RM8,236 juta dan RM802 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Bagi keseluruhan tahun 1994, kecairan dalam sistem perbankan dijangka kekal berlebihan disebabkan kecairan terkumpul dari tahun-tahun terdahulu. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus mengetatkan dasar kewangan untuk menyerap lebih kecairan dalam ekonomi bagi mengurangkan tekanan inflasi supaya kedudukan kewangan berada pada tahap yang boleh menyokong mengekalkan pertumbuhan ekonomi semasa yang kukuh.

Bank-bank Perdagangan

Operasi bank-bank perdagangan terus berkembang pesat selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh yang dialami dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. **Jumlah sumber** bank-bank perdagangan, termasuk modal dan rizab, deposit, peminjaman dari lain-lain badan kewangan, penerimaan jurubank dan lain-lain tanggungan (faedah tertangguh, peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu serta peminjaman dari Bank Negara Malaysia dan bil diskaun dengan BNM) meningkat

sebanyak RM5,678.7 juta atau 2.6% kepada RM227,916 juta pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan RM11,947.3 juta atau 6.9% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pada akhir bulan Julai 1994, bank-bank perdagangan telah menggerakkan sebanyak 68.2% dari jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan dan pada masa yang sama, mengeluarkan pinjaman sebanyak 68.3% dari jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan.

Sumber terbesar dana diperolehi dari deposit termasuk deposit semasa, tetap dan tabungan, SDB, tabung pelaburan baru, dana tanggungan yang tidak layak, deposit khas dan perjanjian pembelian semula yang merupakan 64.3% dari jumlah sumber. **Jumlah deposit** bank perdagangan meningkat sebanyak RM6,120.3 juta atau 4.4% kepada RM146,594 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, berbanding dengan kenaikan sebanyak 7.2% dalam tempoh yang sama tahun 1993, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.1. Sebahagian besar deposit baru yang diterima dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 disumbangkan oleh syarikat perniagaan (RM7,441.3 juta atau 121.6%), Kerajaan Persekutuan (RM870.2 juta atau 14.2%) dan badan

berkanun (RM484.6 juta atau 7.9%). Walau bagaimanapun, terdapat penurunan yang ketara dalam deposit yang ditempatkan oleh institusi kewangan (-RM2,999 juta atau 17.2%). Kenaikan yang ketara dalam deposit baru disebabkan terutamanya oleh tingkat pendapatan boleh guna individu yang tinggi dan prestasi sektor korporat yang bertambah baik secara keseluruhannya berikutan pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh. Selain daripada itu, kecairan terkumpul yang dialami oleh sektor swasta daripada pasaran saham yang melambung dalam tahun 1993 dan awal tahun 1994 dan perbezaan kadar faedah luar negeri yang menyebelahi Malaysia, telah menarik modal asing ke dalam negara, telah menyumbang kepada pertambahan deposit yang besar.

Aktiviti pemberian pinjaman bank-bank perdagangan (tidak termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad) berkembang sebanyak 2.7% kepada RM120,429.1 juta pada akhir bulan Julai 1994 berbanding dengan 4.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Dari segi agihan, sebahagian besar dari pinjaman baru telah disalurkan bagi pembelian saham berjumlah RM3,056.8 juta atau 70.6% daripada jumlah pinjaman baru. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, pinjaman yang diluluskan kepada sektor ini meningkat sebanyak 100.7% kepada RM6,091.4 juta, berbanding dengan 4.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sektor perkilangan yang menerima 35.7% daripada jumlah pinjaman baru berkembang sebanyak 5.7% pada akhir bulan Julai 1994 (3.4% dalam tempoh yang sama tahun 1993). Pinjaman yang diluluskan untuk tujuan penggunaan meningkat sebanyak 14.4% berjumlah RM552.9 juta, berbanding dengan kenaikan sebanyak 24.6% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sila lihat Jadual 9.2. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor hartanah (termasuk pinjaman perumahan kepada individu) yang merupakan 7.7% atau RM333.7 juta daripada jumlah pinjaman baru, berkembang sebanyak 0.9% pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan 6.4% dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, kedudukan kecairan bank perdagangan yang tinggi terus wujud walaupun dasar kewangan menguncup dijalankan. SRR telah dinaikkan sebanyak tiga kali dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, bertujuan untuk mengurangkan lebihan

Jadual 9.1

Bank-bank Perdagangan: Deposit

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir 1994
	1993 January-Julai		1994 January-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit semasa	1,778	9.3	-436	-1.5	28,844
Deposit tabungan	726	5.0	1,716	9.4	19,916
Deposit tetap	6,744	11.4	4,429	6.2	76,033
SDB ¹	-2,026	-15.5	229	1.8	13,049
PPS	941	14.5	146	1.8	8,409
Lain-lain ²	-98	-33.8	37	12.1	344
JUMLAH	8,065	7.2	6,121	4.4	146,594

¹ Sijil Deposit Boleh Niaga.

² Termasuk Tabung Pelaburan Baru dan deposit khas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Jadual 9.2

Bank-bank Perdagangan: Haluan Pemberian Pinjaman¹

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1994
	1993 Januari-Julai		1994 Januari-Julai		1994 * RM juta
	RM juta	%	RM juta	%	
Pertanian	-328	-7.0	-417	-10.1	3,707
Perlombongan dan kuari	-171	-19.5	-40	-6.3	591
Perkilangan	857	3.4	1,547	5.7	28,478
Kewangan, insurans dan perniagaan	925	6.8	-3,313	-19.5	13,671
Pembinaan	704	8.2	427	4.6	9,737
Perdagangan am	261	2.0	-1,160	-12.3	9,979
Pengangkutan dan penyimpanan	419	28.8	428	21.4	2,429
Hartanah	432	3.9	-1,403	-12.3	9,979
Perumahan	1,163	9.5	1,310	7.6	18,522
Pelbagai	791	5.3	4,495	25.4	19,493
JUMLAH	5,053	4.8	3,194	3.8	120,429


¹ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

kecairan dalam sistem. Berkuatkuasa mulai 3 Januari 1994, SRR telah dinaikkan sebanyak satu mata peratusan daripada 8.5% kepada 9.5% dan diikuti dengan kenaikan satu mata peratusan lagi kepada 10.5% berkuatkuasa mulai 16 Mei 1994. Pada 1 Julai 1994, Bank Negara Malaysia telah menaikkan SRR sebanyak satu mata peratusan lagi kepada 11.5%. Pada akhir bulan Julai 1994, nisbah kecairan bank perdagangan adalah sebanyak 17.8% berbanding dengan 18.2% pada akhir tahun 1993. Bank perdagangan mengalami lebihan dana sebanyak RM22,324.8 juta pada akhir bulan Julai 1994 (Julai 1993, lebihan sebanyak RM6,983.9 juta). Ini adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan deposit yang tinggi berbanding dengan pinjaman dikeluarkan oleh bank perdagangan. Oleh yang demikian, **nisbah pinjaman-deposit** bank perdagangan terus merosot kepada 84.8% pada akhir bulan Julai 1994 berbanding dengan 94.2% pada akhir tahun 1993.

Carta 9.2
Bank-Bank Perdagangan

Pinjaman dan Deposit^{1/}
(perubahan suku tahunan)




1/ Termasuk perjanjian pembelian semula (Repos)

2/ Deposit bersih merujuk kepada lebihan deposit bank-bank perdagangan berbanding dengan pinjaman dalam tiap-tiap suku tahunan manakala pinjaman bersih merujuk kepada lebihan pinjaman berbanding dengan deposit

3/ Pada akhir bulan Julai 1994.

Pinjaman Kepada Sektor-Sektor Utama
(perubahan suku tahunan)



Bank perdagangan terus menyediakan kemudahan kredit kepada **sektor yang diberi keutamaan** dalam ekonomi iaitu masyarakat Bumiputera, pembelian rumah berharga RM100,000 dan ke bawah dan perusahaan kecil di bawah Skim Jaminan Utama (SJU), Syarikat Jaminan Kredit (SJK). Pada bulan Mac 1994, satu garis panduan baru SJU telah dikeluarkan sebagai lanjutan dari garis panduan terdahulu yang luput pada 31 Mac 1993. Di bawah garis panduan baru ini, bank perdagangan adalah dikehendaki mengeluarkan pinjaman di bawah SJU sekurang-kurangnya RM160 juta, di mana sebanyak RM80 juta adalah untuk peminjam Bumiputera. Tarikh pematuhan garis panduan ini ialah pada 31 Mac 1995. Garis panduan pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera dan bagi pinjaman perumahan perlu dipatuhi selama tempoh dua tahun dengan tarikh pematuhan pada 31 Mac 1996. Di bawah garis panduan pemberian pinjaman tersebut, bank perdagangan dikehendaki mengeluarkan sekurang-kurangnya 20% dari jumlah pinjaman belum bayar pada 31 Disember 1992 (asas pinjaman) kepada masyarakat Bumiputera dan membuat komitmen yang tegas bagi membiayai pembelian 75,000 unit rumah berharga RM100,000 dan ke bawah setiap satu.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, pemberian pinjaman kepada Bumiputera meningkat sebanyak 6.5% atau RM2,179 juta, berbanding dengan kenaikan sebanyak 8.1% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pada akhir bulan Julai 1994, pinjaman dikeluarkan kepada masyarakat Bumiputera berjumlah RM35,903 juta atau 33.8% daripada asas pinjaman, berbanding dengan sasaran keperluan sebanyak 20% yang ditetapkan dalam garis panduan. Sebahagian besar pinjaman dikeluarkan terutamanya kepada sektor perniagaan (RM12,511 juta atau 35%), diikuti oleh sektor kewangan dan perniagaan (RM6,025 juta atau 16.8%) dan pinjaman bagi pembelian saham (RM4,490 juta atau 12.5%). Pada akhir bulan Julai 1994, bank perdagangan telah membiayai pembelian sebanyak 13,733 unit rumah berharga RM100,000 dan ke bawah setiap satu, sementara dari segi nilai bank perdagangan telah mencapai sebanyak 18.8% daripada sasaran. Sejak bulan April 1994, subsidi kadar faedah sebanyak satu peratus bagi pinjaman perumahan dan juga sasaran dari segi nilai telah ditarik balik. Pada akhir bulan Julai 1994, jumlah kredit yang dikeluarkan oleh bank perdagangan kepada perusahaan kecil di bawah SJU yang baru diperkenalkan di bawah

SJK meningkat sebanyak 1,015.7% kepada RM170.7 juta (RM15.3 juta pada akhir bulan Julai 1993). Sementara itu, jumlah pinjaman diluluskan di bawah Tabung Pinjaman Peniaga dan Penaja Kecil, 1992, meningkat sebanyak 338% kepada RM17.9 juta, yang mana sebanyak RM10.2 juta telah dikeluarkan kepada peminjam Bumiputera.

Kedudukan lebihan kecairan dalam sistem bank yang terus wujud telah menyebabkan mod kadar deposit tetap untuk semua tempoh matang terus merosot dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Bagi deposit satu bulan dan tiga bulan, kadar mod deposit tetap merosot sebanyak 2.4 dan 2.1 mata peratusan kepada 4.0% dan 4.3% setahun. Kadar mod bagi deposit tetap enam bulan dan sembilan bulan merosot sebanyak 1.8 dan 1.6 mata peratusan kepada 4.5% dan 4.8% setahun. Pada masa yang sama, kadar mod bagi deposit tetap untuk 12 bulan merosot sebanyak 1.3 mata peratusan kepada 5.0% setahun. Walau bagaimanapun, kadar mod deposit tabungan kekal pada kadar 3.25% setahun sejak akhir tahun 1991. Dari segi purata, kadar pasaran wang antara bank juga merosot akibat dari lebihan kecairan yang besar dalam ekonomi. Kadar untuk wang semalaman dan satu bulan jatuh sebanyak 0.85 dan 2.16 mata peratusan kepada 4.95% dan 4.48% setahun pada akhir bulan Julai 1994 (akhir tahun 1993: 5.8% dan 6.64% setahun). Kadar wang tiga bulan juga merosot sebanyak 2.02 mata peratusan kepada 4.48% setahun. Oleh yang demikian, purata kos dana merosot sebanyak 1.25 mata peratusan kepada 4.05% setahun pada akhir bulan Julai 1994 (akhir bulan Disember 1993: 5.3% setahun). Selaras dengan ini, kadar pemberian pinjaman purata juga jatuh kepada 8.51% setahun pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan 9.66% pada akhir tahun 1993. Oleh itu, margin kadar faedah kasar merosot kepada 4.58 mata peratusan pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan 4.71 mata peratusan pada akhir tahun 1993. Selaras dengan aliran kos dana yang menurun, mod **KPPA** bank perdagangan berkurangan sebanyak 1.6 mata peratusan kepada 7.4% setahun pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan 8.5% setahun pada akhir tahun 1993.

Perbankan Islam telah sekali lagi memperlihatkan pertumbuhan yang ketara dengan pertambahan dalam jumlah institusi kewangan

yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Pada akhir bulan Julai 1994, selain daripada BIMB, sebanyak 14 buah bank perdagangan, 9 buah syarikat kewangan dan 2 buah bank saudagar telah menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Jumlah aset sistem perbankan Islam (SPTF dan BIMB) meningkat sebanyak 54% atau RM2,076.6 juta kepada RM3,194.3 juta pada akhir bulan Julai 1994, sementara jumlah deposit yang digerakkan meningkat sebanyak 138% atau RM1,176.9 juta kepada RM4,091.6 juta. Jumlah pembiayaan dikeluarkan oleh sistem perbankan Islam berkembang perlahan sebanyak 12% kepada RM1,159.1 juta pada akhir bulan Julai 1994 (RM1,037 juta pada akhir Julai tahun 1993). Dari segi agihan, sebahagian besar deposit berpunca dari deposit pelaburan am dan deposit pelaburan khusus, yang meningkat sebanyak 298% dan 34% kepada RM2,508.1 juta dan RM533.3 juta pada akhir bulan Julai 1994. Pada masa yang sama, deposit simpanan meningkat sebanyak 46% kepada RM475.3 juta sementara deposit semasa meningkat sebanyak 58% kepada RM574.9 juta. Dari segi pecahan mengikut sektor, sebanyak 21% dari pembiayaan baru telah disalurkan kepada sektor perumahan yang meningkat sebanyak 29%. Pembiayaan kepada sektor perkilangan pula merosot sebanyak 32% kepada RM229.7 juta pada akhir bulan Julai 1994.

Beberapa bank perdagangan dan saudagar telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi tabung bantuan khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan. **Tabung Khas Pelancongan** ditubuhkan oleh Kerajaan pada bulan Mac 1990 dengan tujuan untuk membiayai pembangunan projek-projek berkaitan dengan pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM120 juta. Memandangkan kepada sambutan yang amat menggalakkan di samping untuk memenuhi keperluan pertambahan permohonan baru peruntukan Tabung ini telah ditambah sebanyak RM80 juta lagi berkuatkuasa mulai 16 November 1993 dan ianya ditukarkan kepada tabung pusingan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, 25 permohonan dengan jumlah nilai RM34.7 juta telah diluluskan (Januari-Julai 1993: 31 permohonan dengan nilai RM34 juta). Ini meningkatkan lagi bilangan permohonan yang diluluskan sehingga akhir bulan Julai 1994 kepada 146, berjumlah RM168.7 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM100.2 juta telahpun dikeluarkan. Sebahagian besar (91%) daripada kelulusan adalah disalurkan untuk membiayai

pembinaan hotel dan rumah penginapan di samping pengubahsuaian dan binaan tambahan kepada bangunan penginapan yang sedia ada.

Tabung Usahawan Baru (TUB) dengan peruntukan permulaan sebanyak RM250 juta telah dilancarkan dalam bulan Disember 1989, untuk menggalakkan lebih ramai lagi usahawan kecil dan sederhana Bumiputera untuk berkecimpung dalam pelbagai bidang perniagaan. Peruntukan telah ditambah kepada RM600 juta dan ditukarkan kepada tabung pusingan bagi membolehkan lebih ramai lagi usahawan untuk menyertai skim ini. Daripada jumlah ini, sebanyak RM50 juta adalah disalurkan kepada Pemodal Nasional Berhad untuk dipinjamkan kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad. Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Perusahaan Malaysia Berhad dan 10 bank perdagangan juga menjadi agensi pelaksana tabung ini. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, sejumlah 251 permohonan baru bernilai RM152 juta (Januari-Julai 1993: 158 permohonan untuk RM55 juta) telah diluluskan. Jumlah kelulusan yang lebih tinggi terutamanya disebabkan oleh peningkatan had kelayakan pinjaman kepada RM2 juta daripada RM1 juta berkuatkuasa mulai 1 Julai 1993. Dengan demikian, sehingga akhir bulan Julai 1994, bilangan permohonan yang diluluskan berjumlah 1,383 dengan nilai RM497.8 juta di mana RM376.4 juta telahpun dibayar.

Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) dilancarkan pada tahun 1977 dengan tujuan menggalakkan pengeksportan barang-barang perkilangan dan komoditi terpilih. Bank Negara Malaysia memberi pembiayaan pada kadar faedah istimewa kepada pengeksport langsung dan tidak langsung yang berkecimpung melalui bank perdagangan. Bagi mencerminkan kadar faedah yang berkurangan terutamanya kadar penerimaan jurubank, kadar pembiayaan ECR diturunkan sebanyak dua kali, iaitu daripada 7% setahun kepada 6.5% setahun berkuatkuasa mulai 2 Februari 1994 dan daripada 6.5% setahun kepada 5% setahun berkuatkuasa mulai 1 Mei 1994. Jumlah pembiayaan ECR merosot sebanyak 18.5% kepada RM9.2 bilion, berbanding dengan pertambahan sebanyak 6.6% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Daripada jumlah ini RM4.7 bilion adalah untuk pasca-penghantaran dan RM4.5 bilion untuk pra-penghantaran. Sebahagian besar

daripada kredit ini adalah untuk sektor minyak sawit (28.1%), diikuti oleh keluaran mekanik dan elektrik (22.5%) dan keluaran getah (13.4%).

Pinjaman yang diluluskan di bawah skim **Tabung Untuk Makanan (TUM)** juga meningkat. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, 37 permohonan dengan nilai RM29.4 telah diluluskan (Januari-Julai 1993: enam permohonan bernilai RM1.8 juta). Ini menambahkan bilangan permohonan yang diluluskan kepada 69 bernilai RM42.8 juta sehingga 31 Julai 1994, sementara RM13 juta telah dikeluarkan. Sebahagian besar permohonan adalah untuk penternakan binatang (RM26.8 juta), diikuti oleh pemprosesan makanan (RM9.6 juta) dan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran (RM5.5 juta).

Pada akhir bulan Julai 1994, bilangan bank perdagangan yang beroperasi di Malaysia berjumlah 37 buah, yang mana sebanyak 21 buah adalah bank tempatan dan 16 buah adalah bank asing. Jumlah pejabat cawangan bank tempatan pula sebanyak 1,104 buah, sementara pejabat cawangan bank asing kekal sebanyak 146 buah.

Syarikat-syarikat Kewangan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, jumlah sumber syarikat kewangan meningkat selaras dengan aktiviti perniagaan sektor korporat yang cergas ekoran dari prestasi ekonomi yang terus kukuh. **Jumlah sumber** (terutamanya terdiri dari rizab dan modal, deposit dan peminjaman dari lain-lain institusi kewangan) meningkat sebanyak 9.4% kepada RM69,193 juta pada akhir bulan Julai 1994, daripada RM63,264 juta pada akhir tahun 1993. Deposit (termasuk perjanjian pembelian semula) telah menyumbangkan sebanyak 55.4% dari jumlah sumber baru. **Jumlah deposit** syarikat kewangan secara keseluruhannya meningkat sebanyak 6.4% atau RM3,283 juta kepada RM54,440 juta pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan kenaikan sebanyak 6.5% atau RM2,859 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993. Deposit tabungan telah meningkat sebanyak 36.9% atau RM1,501 juta iaitu merupakan 45.7% dari deposit baru, diikuti oleh sijil deposit boleh niaga yang meningkat sebanyak 20.5% atau RM748 juta, yang merupakan 22.7% dari deposit baru. Namun demikian, deposit tetap baru meningkat hanya sebanyak 1.1% atau RM466

juta yang merupakan 14.2% dari jumlah deposit baru. Ini berbeza dari keadaan pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1993 di mana 92.8% dari deposit baru adalah dalam bentuk deposit tetap. Walau bagaimanapun, pada akhir bulan Julai 1994, deposit tetap masih merupakan komponen terbesar (79.6%) dari jumlah deposit belum dijelaskan. Dari segi pemegangan deposit, pemegang deposit terbesar terdiri daripada orang awam (45.2% dari jumlah deposit tetap belum dijelaskan) diikuti oleh institusi kewangan (20.7%) dan syarikat perniagaan (18.8%).

Sementara jumlah deposit syarikat kewangan meningkat dengan nyata, jumlah pinjaman berkembang perlahan. **Jumlah pinjaman** dikeluarkan (tidak termasuk pinjaman perumahan sebanyak RM1,501 juta yang dijual kepada Cagamas Berhad) berkembang sederhana sebanyak 5.5% kepada RM46,175 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1994, berbanding dengan 6.6% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Pemberian pinjaman kepada individu persendirian meningkat sebanyak 7.4% (RM1,764 juta) kepada RM25,709 juta. Dari peningkatan tersebut, 49% (RM864 juta) telah disalurkan untuk pembelian stok dan saham dan 43.5% (RM768 juta) bagi tujuan penggunaan. Pemberian pinjaman kepada individu persendirian merupakan 55.7% dari jumlah pemberian pinjaman syarikat kewangan, sementara sektor pembinaan dan hartanah

Jadual 9.3

Syarikat-syarikat Kewangan: Deposit

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1994
	1993		1994		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit tabungan	544	19.8	1,501	36.9	5,567
Deposit tetap	2,652	7.3	466	1.1	43,315
Deposit khas	-16	-47.9	-23	-67.7	11
SDB ¹	-137	03.6	748	20.5	4,391
PPS	-184	-18.3	591	104.9	1,156
JUMLAH	2,859	6.5	3,283	6.4	54,440

¹ Sijil Deposit Boleh Niaga.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Jadual 9.4

Syarikat-syarikat Kewangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1994
	1993		1994		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	-56	-5.6	-73	-8.2	811
Perlombongan dan kuari	12	9.0	2	1.5	145
Perkilangan	274	13.0	226	9.0	2,747
Pembinaan	337	12.0	291	8.2	3,848
Hartanah	-19	-0.7	-92	-3.2	2,797
Individu yang mana:	1,135	5.4	1,764	7.4	25,709
Kredit penggunaan	(463)	(3.2)	(768)	(4.9)	(16,421)
Pembelian stok/saham	(42)	(8.3)	(864)	(38.3)	(3,117)
Perumahan ¹	(530)	(10.7)	(132)	(2.2)	(6,171)
Perdagangan am	-47	-3.1	-35	-2.5	1,379
Pelbagai	869	12.8	316	3.8	8,720
JUMLAH	2,505	6.6	2,399	5.5	46,17

¹ Tidak termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

menyerap 14.4% dan perkilangan 6%. Memandangkan pinjaman berkembang pada kadar 5.5% dan deposit pada kadar 6.4%, **nisbah pinjaman-deposit** syarikat kewangan pada akhir bulan Julai 1994, merosot kepada 84.8% daripada 86.9% pada akhir tahun 1993.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, kadar faedah deposit tetap syarikat kewangan merosot disebabkan oleh lebihan kecairan yang berterusan. Pada akhir bulan Julai 1994, mod kadar deposit tetap untuk satu tempoh matang bulan merosot sebanyak 2.4 mata peratusan kepada 4.1% setahun dan 2 mata peratusan kepada 4.5% setahun bagi deposit tetap tiga bulan. Mod kadar deposit tetap untuk tempoh matang enam, sembilan dan 12 bulan juga merosot sebanyak 1.8 mata peratusan, 1.4 mata peratusan dan 1.2 mata peratusan kepada 4.7% setahun,

5% setahun dan 5.2% setahun. Walau bagaimanapun, mod kadar deposit tabungan kekal tidak berubah pada kadar 5.0% setahun. Selaras dengan pengurangan dalam kadar deposit tetap, **kos deposit purata** telah merosot daripada 6.96% setahun pada pada akhir tahun 1993 kepada 5.56% setahun pada akhir bulan Julai 1994. Berikutan dari itu, mod **kadar pemberian pinjaman asas** juga merosot daripada 10.5% setahun kepada 8.75% setahun. Meskipun begitu, kadar pinjaman purata dikurangkan sedikit sahaja iaitu sebanyak 0.26 mata peratusan kepada 11.89% setahun. Dengan kejatuhan kos deposit purata sebanyak 1.4 mata peratusan, margin faedah kasar meningkat sebanyak 1.14 mata peratusan kepada 6.33 mata peratusan pada akhir bulan Julai 1994. Bagi mencerminkan keadaan lebihan kecairan syarikat kewangan, **nisbah kecairan** meningkat kepada 12.7% pada akhir bulan Julai 1994 daripada 12% pada akhir tahun 1993.

Bagi pemberian pinjaman kepada **sektor yang diberi keutamaan**, di bawah garis panduan pemberian pinjaman dua tahun 1994, yang perlu dipatuhi pada 31 Mac 1996, pada akhir bulan Julai 1994, pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera oleh syarikat kewangan adalah sebanyak 39.5% daripada jumlah pinjaman asas (pinjaman belum dijelaskan pada akhir tahun 1992), melebihi keperluan minimum sebanyak 20%. Bagi pinjaman untuk pembelian rumah kepada individu bagi rumah berharga RM100,00 dan ke bawah setiap satu, syarikat-syarikat kewangan, sebagai satu kumpulan, adalah dikehendaki untuk membuat komitmen yang tegas bagi membiayai pembelian sekurang-kurangnya 25,000 unit rumah (bagi rumah yang baru dibina dan rumah terpakai yang didiami oleh pemilik). Walau bagaimanapun, dari segi nilai komitmen, tiada had yang dikenakan. Separuh daripada kuota tersebut mesti dipenuhi sebelum 31 Mac 1995. Sehingga akhir bulan Julai 1994, syarikat kewangan sebagai satu kumpulan telah memberi komitmen yang tegas untuk membiayai pembelian sebanyak 6,388 unit rumah.

Pada akhir bulan Julai 1994, syarikat kewangan yang beroperasi berjumlah 40 buah yang mana sebanyak 15 buah dimiliki sepenuhnya oleh bank perdagangan tempatan, satu buah merupakan anak syarikat bank saudagar. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 syarikat kewangan telah membuka sebanyak 36 cawangan baru menjadikan jumlah cawangan di seluruh negara sebanyak 825 buah pada akhir bulan Julai 1994.

Bank Saudagar

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, prestasi bank saudagar mencatatkan pertumbuhan yang ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. **Jumlah aset** bank saudagar berkembang sebanyak 5.6% kepada RM19,425.9 juta, berbanding dengan 13.4% dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Jumlah sumber bank saudagar daripada **aktiviti berasaskan dana** meningkat sebanyak 6.6% kepada RM20,036.8 juta pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan kenaikan sebanyak 13.4% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sumber baru bank saudagar terutamanya berpunca daripada simpanan oleh institusi kewangan dan terbitan instrumen deposit boleh niaga (NIDs). **Jumlah deposit** yang digerakkan oleh bank saudagar berkembang pada kadar yang kecil iaitu sebanyak 0.8% atau RM101.5 juta kepada RM13,618.1 juta pada akhir bulan Julai 1994, merupakan 6.3% daripada jumlah deposit sistem perbankan. Deposit baru yang disimpan oleh badan korporat terus meningkat sebanyak 7.8% kepada RM7,105.2 juta pada akhir bulan Julai 1994, berbanding dengan kenaikan sebanyak 10.1% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Ini merupakan jumlah terbesar deposit yang disimpan di bank saudagar, mewakili 52.2% daripada jumlah deposit belum dijelaskan dengan bank saudagar pada akhir bulan Julai 1994. Simpanan oleh institusi kewangan merosot sebanyak RM370.4 juta, berbanding dengan kenaikan sebanyak RM1,260.1 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sebahagian besar daripada jumlah deposit belum diselesaikan bank saudagar terus tertumpu dalam deposit tetap jangka pendek dengan tempoh matang enam bulan dan ke bawah (yang mewakili 94.1% daripada jumlah deposit tetap pada akhir bulan Julai 1994).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, **operasi pemberian pinjaman** bank saudagar kepada sektor swasta meningkat sebanyak 3.5% atau RM332.1 juta, berbanding dengan kenaikan sebanyak 0.6% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sebahagian besar daripada pinjaman adalah dalam bentuk pinjaman berjangka berjumlah RM5,598.9 juta atau 55.5% dari pada jumlah pinjaman belum dijelaskan dengan bank saudagar pada akhir bulan Julai 1994. Sebahagian besar kredit baru telah disalurkan terutamanya bagi

Jadual 9.5

Bank-bank Saudagar: Deposit dan Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1994
	1993		1994		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit					
Deposit tetap	2,214	30.8	-537.6	-5.1	9,954.8
Bank perdagangan	-185	-46.6	-116.9	-29.6	278.5
Syarikat kewangan	42	12.4	-37.3	-7.4	463.1
Perbadanan- perbadanan	919	17.2	516.9	7.8	7,105.2
Lain-lain ¹	1,438	129.7	-900.4	-29.9	2,108.0
TPB	-9	-34.4	-3.0	-21.0	11.3
PPS	350	32.2	203.0	15.7	1,496.0
SDB	4	0.2	439.1	25.6	2,156.0
JUMLAH	2,559	26.2	-102.0	-0.8	13,618.1
Pinjaman					
Pinjaman berjangka	524	13.7	859.9	18.1	5,598.9
Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	-12	-19.6	-4.5	-11.5	34.2
Badan berkanun dan Kerajaan tempatan	-14	-18.8	17.6	52.7	51.0
PABK ²	—	0.1	-24.7	-17.1	120.0
Individu Bumiputera	313	29.9	576.0	3.9	2,050.3
Dalam negeri	231	9.6	294.9	9.7	3,331.0
Asing	6	127.9	0.5	4.6	12.3
Bil-bil perdagangan (termasuk penerimaan jurubank)	-91	-13.0	-53.8	-8.9	548.8
Lain-lain	215	5.4	-482.6	-10.9	5,050.9
JUMLAH	648	7.6	323.5	3.3	10,088.5
¹ Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain.					
² Perusahaan Awam Bukan Kewangan.					
Sumber: Bank Negara Malaysia.					

¹ Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain.

² Perusahaan Awam Bukan Kewangan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pembelian stok dan saham (berjumlah RM410.1 juta atau 126.8% dari jumlah pinjaman baru), sektor hartanah (RM33.4 juta atau 10.3%) dan sektor pertanian (RM26.5 juta atau 8.2%). Pinjaman yang disalurkan kepada sektor kewangan, insurans dan perniagaan, walau bagaimanapun, merosot sebanyak RM526.5 juta disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam pemberian pinjaman kepada syarikat broker saham.

Selaras dengan operasi penyerapan yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyerap lebihan kecairan dalam sistem perbankan, **purata nisbah kecairan** bank saudagar merosot kepada 15.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (18.3% pada akhir tahun 1993). Namun demikian, kos dana purata dan kadar pemberian pinjaman bank saudagar terus merosot daripada 6.58% setahun dan 9.30% setahun pada akhir tahun 1993 kepada 4.51% setahun dan 7.32% setahun pada akhir bulan Julai 1994. Justeru itu, purata margin kadar faedah bank perdagangan meningkat sebanyak 0.09 mata peratusan kepada 2.81% pada akhir bulan Julai 1994 daripada 2.72% pada akhir tahun 1993. Kenaikan deposit yang lebih pesat berbanding dengan pinjaman, menyebabkan **nisbah pinjaman-deposit** bank saudagar merosot daripada 79.9% pada akhir tahun 1993 kepada 74.1% pada akhir bulan Julai 1994.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, **aktiviti bank saudagar berasaskan fi** terus mencatatkan kenaikan yang ketara. Jumlah pendapatan dari aktiviti tersebut meningkat sebanyak 125.1% kepada RM215.1 juta, berbanding dengan RM95.6 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993. Lebih separuh dari peningkatan dalam pendapatan fi yang diperolehi dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 adalah disebabkan oleh perniagaan, terutamanya perniagaan dalam hutang sekuriti swasta. Pendapatan berasaskan fi merupakan 61.4% dari jumlah bersih pendapatan bank saudagar. Jumlah dana portfolio yang diuruskan oleh bank saudagar meningkat sebanyak 0.8% kepada RM2,889.6 juta pada akhir bulan Jun 1994 (akhir Disember 1993: RM2,867.8 juta). Jumlah fi yang dihasilkan dari aktiviti pengurusan portfolio yang dijalankan oleh bank saudagar meningkat kepada RM16.4 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, berbanding dengan RM10.6 juta yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sebahagian besar dana portfolio (64.1%) yang diuruskan oleh bank saudagar dimiliki oleh institusi (termasuk dana simpanan swasta) dan bakinya dimiliki oleh perbadanan, individu dan lain-lain. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, bank saudagar menaja jamin sebanyak 52 terbitan stok dan saham dan PDS bernilai RM1,594.4 juta (berbanding dengan RM430.2 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993). Pada akhir bulan Julai 1994, bilangan

bank saudagar yang beroperasi di Malaysia kekal sebanyak 12 buah dengan 17 buah pejabat cawangan.

Institusi-institusi Pembiayaan Pembangunan

Secara keseluruhan, **jumlah sumber** bagi lima **institusi pembiayaan pembangunan (IPP)** utama yang terdiri daripada Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (DBM), Bank Industri Malaysia Berhad (BIM), Bank Pembangunan Sabah Berhad (BPS) dan Bank Pertanian Malaysia (BPM) meningkat sebanyak 7% kepada RM7.4 bilion pada 30 Jun 1994 daripada akhir tahun 1993, berbanding dengan pertambahan sebanyak 4.7% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan sebanyak 14.4% dalam peminjaman yang merupakan 39.3% daripada jumlah sumber IPP. Namun demikian, deposit yang digerakkan sebanyak RM3.1 bilion atau 41.4% daripada jumlah sumber merupakan kategori pendanaan yang terbesar.

Walau bagaimanapun, setiap IPP mencatatkan prestasi bercampur-campur dari segi jumlah sumber. Jumlah sumber BIM meningkat dengan ketara sebanyak 31.7% atau RM281 juta pada akhir bulan Jun 1994, daripada RM886 juta pada akhir tahun 1993 terutamanya disebabkan oleh peningkatan sebanyak 36.4% dalam peminjaman. Begitu juga, jumlah sumber DBM meningkat sebanyak 10.8% kepada RM1.5 bilion, kesan dari pertumbuhan sebanyak 36.5% dalam dana pemegang saham. Walau bagaimanapun jumlah sumber BPM meningkat sedikit sahaja pada kadar 2.1% kepada RM3 bilion, sementara jumlah sumber MIDF meningkat hanya 0.5% kepada RM1 bilion. Sebaliknya, jumlah sumber BPS terus merosot sebanyak 0.9% (Januari-Jun 1993: -10.2%) disebabkan oleh kejatuhan sebanyak 19.8% dalam peminjaman jangka pendek dan panjang.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, **jumlah pinjaman baru** yang diluluskan oleh IPP, sebagai satu kumpulan, meningkat lebih pesat lagi sebanyak 26.6% kepada RM904 juta, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 19.3% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Kebanyakan kategori pinjaman meningkat, kecuali bagi sektor

pertanian, perlombongan dan kuari. Bagi mencerminkan dasar IPP untuk mempelbagaikan portfolio pinjamannya, pinjaman yang diluluskan kepada sektor lain (meliputi kredit perdagangan dan pelbagai) meningkat dengan ketara sebanyak 91.8%. Walau bagaimanapun, seperti pada tahun-tahun lepas, aktiviti pemberian pinjaman setiap IPP adalah berbeza. Pinjaman baru yang diluluskan oleh MIDF meningkat dengan ketara sebanyak 83.5% kepada RM150 juta (Januari-Jun 1993: – 13.8%), sementara pinjaman baru yang diluluskan

Jadual 9.6

Institusi Pembiayaan Pembangunan

<i>Institusi</i>	<i>1993</i>	<i>Jun 1994</i>
Jumlah Sumber¹ (RM juta pada akhir tempoh)		
Bank Pertanian Malaysia Bhd.	2,920	2,982
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	1,351	1,498
Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd.	1,011	1,016
Bank Industri Malaysia Bhd.	886	1,168
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	775	768
Kadar Faedah Purata (% pada akhir tempoh)		
Bank Pertanian Malaysia		
Kadar konsesi	4.00	4.00
Kadar komersil	0-4 melebihi KPPA ²	0-4 melebihi KPPA ²
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	6.30	6.51
Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd.	8.41	8.24
Bank Industri Malaysia Bhd.		
Pembaikan kapal	4.50	4.50
Pembinaan kapal	7.85-9.00	7.85-9.00
Infrastruktur limbungan	9.00	9.00
Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport	5.00-9.00	6.00-9.00
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	10.00 dan ke atas	9.00-9.99

¹ Termasuk dana pemegang saham, peminjaman jangka pendek dan panjang dan deposit yang digerakkan.

² Kadar pemberian pinjaman asas.

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad.

Jadual 9.7

Haluan Pemberian Pinjaman oleh IPP

<i>Sektor</i>	<i>1993 (Januari-Jun) (RM juta)</i>	<i>1994^a (Januari-Jun) (RM juta)</i>	<i>% Perubahan</i>
Perkilangan	307	322	4.9
Perkapalan	76	122	60.5
Pertanian	141	131	-7.1
Hartanah dan pembinaan	35	44	25.7
Perlombongan dan kuari	9	5	-44.4
Lain-lain	146	280	91.8
JUMLAH	714	904	26.6

^a Data awalan

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad.

oleh BIM meningkat sebanyak 80.9% kepada RM253 juta (Januari-Jun 1993: –72.2%). Dalam tempoh yang sama, kredit yang diluluskan oleh DBM meningkat sebanyak 34.9% kepada RM346 juta (Januari-Jun 1993: 33.6%). Sementara itu, pinjaman yang diluluskan oleh BPM berjumlah RM130 juta iaitu merosot sebanyak 8.3%, manakala pinjaman yang diluluskan oleh BPS berjumlah RM25 juta iaitu kejatuhan sebanyak 69.1%. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, pinjaman yang dikeluarkan oleh IPP berjumlah RM674 juta, menunjukkan pertambahan sebanyak 35.5%, berbanding dengan kejatuhan sebanyak 18.3% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Namun demikian, **jumlah pinjaman belum bayar** IPP meningkat sebanyak 2.1% atau RM83 juta pada 30 Jun 1994 daripada RM4 bilion pada akhir tahun 1993, berbanding dengan 3% pada tempoh yang sama tahun 1993. Kadar pertumbuhan yang lebih rendah ini terutamanya disebabkan oleh pembayaran awal dan rekod pembayaran balik yang lebih baik oleh peminjam.

Kadar faedah yang dikenakan oleh setiap IPP dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, terus berbeza bergantung kepada jenis pinjaman yang diluluskan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6. Pengurangan kadar faedah telah dilakukan oleh kebanyakan IPP oleh kerana kos dana yang lebih rendah.

IPP akan terus menyokong pembangunan sektor perkilangan dan pertanian, dan melengkapi peranan lain institusi kewangan utama. Khususnya, IPP dijangka memberi pembiayaan jangka sederhana dan panjang di samping menyediakan pelbagai perkhidmatan kewangan yang biasanya tidak disediakan oleh syarikat perdagangan dan kewangan seperti penyertaan langsung dalam modal ekuiti dan taja jamin pinjaman.

IPP terus bertindak sebagai agensi pelaksana bagi pelbagai skim bantuan khas. Salah satu skim ialah **Tabung Penyesuaian Perindustrian (IAF)** yang dilancarkan pada 5 Februari 1991 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. IAF ditubuhkan bagi merasionalkan dan menyusun semula syarikat-syarikat yang sedia ada sebelum 31 Disember 1990 dalam tiga industri terpilih (iaitu industri, jentera dan kejuruteraan, industri berasaskan kayu dan tekstil) melalui penggabungan, pengambilalihan, penempatan semula dan pelbagaian. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, satu permohonan dengan nilai RM2 juta telah diluluskan (Januari-Julai 1993: lima projek dengan nilai RM24 juta). Dengan demikian sehingga 31 Julai 1994, sejumlah 16 permohonan dengan jumlah nilai RM56 juta telah diluluskan, sementara pengeluaran pinjaman berjumlah RM36 juta.

Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) ditubuhkan pada tahun 1988 bagi menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan-perusahaan Bumiputera yang uzur tetapi berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan akibat kemelesetan ekonomi. ERF Sendirian Berhad bertindak sebagai urusetia dan menguruskan tabung pusingan ini dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, tiga lagi permohonan dengan nilai RM17 juta telah diluluskan (Januari-Julai 1993: tiga permohonan dengan nilai RM8 juta). Namun demikian, dalam tempoh yang sama, tujuh permohonan dengan jumlah nilai RM36 juta yang diluluskan sebelum ini, telah ditarik balik. Dengan demikian, sehingga 31 Julai 1994, sebanyak 231 permohonan dengan jumlah nilai RM761 juta telah diluluskan, sementara pengeluaran pinjaman berjumlah RM469 juta. Pinjaman tersebut disalurkan terutamanya kepada sektor perumahan (RM556 juta) untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai, sektor pembinaan (RM74 juta), sektor hartanah (RM73 juta) dan sektor perkilangan (RM42 juta).

Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun (AJDF) merupakan satu lagi skim yang bertujuan membantu pembangunan industri kecil dan sederhana yang dikendalikan oleh BPM, BIM, DBM dan MIDF. Tabung pusingan ini dilancarkan pada Januari 1989, dengan peruntukan awal disediakan oleh Overseas Economic Co-operation Fund (OECF) dan Export-Import Bank of Japan (EXIM). Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, IPP pelaksana meluluskan sejumlah 33 permohonan dengan nilai RM43 juta (Januari-Jun 1993: 38 permohonan dengan nilai RM19 juta). Justeru itu, sehingga 30 Jun 1994, pinjaman diluluskan berjumlah RM1.1 bilion untuk 3,406 projek. Daripada jumlah ini, sebanyak RM838 juta diperolehi daripada peruntukan OECF, sementara selebihnya adalah daripada peruntukan EXIM.

Institusi-Institusi Kewangan Lain

Bank Simpanan Nasional

Kadar pertumbuhan **Bank Simpanan Nasional (BSN)** menjadi sederhana sepertimana yang ditunjukkan oleh pertumbuhan jumlah sumbernya yang lebih perlahan. **Jumlah sumber BSN** meningkat sebanyak 3.7% atau RM170 juta kepada RM4.8 bilion pada akhir bulan Jun 1994 daripada akhir tahun 1993 (Januari-Jun 1993: 7.9% atau RM300 juta), terutama sekali disebabkan oleh deposit bersih yang digerakkan serta lebih banyak terkumpul yang lebih kecil. Dana simpanan merupakan 88.4% daripada dana tersebut.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, **deposit bersih** yang digerakkan oleh BSN berjumlah RM7.3 bilion, menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 35.3%, berbanding dengan 23.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Walau bagaimanapun, pengeluaran (termasuk sijil simpanan premium yang ditebus) mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 37.9% kepada RM7.1 bilion, berbanding kenaikan sebanyak 21.7%, menghasilkan deposit bersih yang lebih kecil sebanyak RM183 juta (Januari-Jun 1993: RM237 juta). Sehubungan dengan itu, jumlah deposit belum bayar meningkat sebanyak 4.5% kepada RM4.3 bilion pada akhir bulan Jun 1994 (Januari-Jun 1993: 6.9%). Kadar faedah yang lebih rendah pada keseluruhannya

dan persaingan yang sihat dari bentuk simpanan yang lain dan pelaburan seperti saham amanah yang dikendalikan oleh agensi kerajaan, menyebabkan peningkatan yang lebih kecil dalam deposit bersih yang digerakkan.

Skim simpanan **GIRO** kekal sebagai produk utama BSN seperti yang ditunjukkan dalam jumlah deposit (84.4%) dan pengeluaran (85.7%) diurusniagakan yang tinggi. Sementara deposit baru yang digerakkan di bawah skim ini meningkat sebanyak 39.3% kepada RM6.2 bilion (Januari-Jun 1993: 24.4%), pengeluaran turut meningkat sebanyak 40% kepada RM6.1 bilion (Januari-Jun 1993: 25.1%), menyebabkan deposit bersih yang lebih kecil iaitu sebanyak RM66 juta (Januari-Jun 1993: RM69 juta). Arahan Terjamin Giro (ATG) yang diperkenalkan oleh BSN pada bulan Ogos 1993, bagi memudahkan permohonan oleh pemegang akaun BSN dan orang ramai untuk saham baru yang diuruskan oleh MIDF Consultancy and Corporate Services Sdn. Bhd. mendapat sambutan baik. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, sejumlah 64,673 ATG dengan nilai RM197 juta telah dikeluarkan. Selaras dengan kadar faedah menarik yang ditawarkan, deposit baru yang digerakkan di bawah skim **simpanan tetap** meningkat sebanyak 23.8% kepada RM351 juta, sementara pengeluaran meningkat dengan lebih ketara lagi sebanyak 163.7% kepada RM265 juta, menghasilkan aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM86 juta (Januari-Jun 1993: RM183 juta). Begitu juga, skim **sijil simpanan premium** mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih kecil iaitu berjumlah RM14 juta (Januari-Jun 1993: RM16 juta), kerana penebusan meningkat sebanyak 2.2% kepada RM60 juta, manakala pembelian sijil premium merosot sebanyak 1.2% kepada RM75 juta (Januari-Jun 1993: 16.1%). Dalam tempoh yang sama, **akaun simpanan** telah menarik deposit berjumlah RM705 juta iaitu peningkatan sebanyak 16.7%, sementara pengeluaran meningkat sebanyak 8.4% kepada RM687 juta, menghasilkan deposit bersih sebanyak RM18 juta, berbanding dengan aliran keluar bersih sebanyak RM30 juta pada tempoh yang sama tahun 1993. Sementara itu, skim **Simpan Dari Pendapatan (SEDAR)** terus mencatatkan pengeluaran bersih sebanyak RM1 juta (Januari-Jun 1993: RM2 juta) kerana deposit terus menurun kepada RM8 juta dan lebih kecil berbanding dengan pengeluaran yang berjumlah RM9 juta.

Jadual 9.8

Bank Simpanan Nasional
(pada akhir tempoh)

	1993	Jun 1994 ^a
Deposit ¹ (RM juta)		
Simpanan	1,649	1,667
Tetap	794	879
Simpan Dari Pendapatan	21	20
GIRO	1,416	1,482
Sijil Simpanan Premium	201	215
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)		
MGS	2,099	2,125
Stok dan saham ²	233	809
Lain-lain ³	932	605
Pinjaman (RM juta)	1,012	995
Individu	865	827
Korporat	108	110
Kad Visa	13	13
Sewa-Beli	26	45
Bilangan cawangan BSN ⁴	474	477
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	588	592
Bilangan Penyimpan ('000)		
Simpanan	6,143	6,184
Tetap	72	77
Simpan Dari Pendapatan	25	24
GIRO	3,739	4,089

¹ Termasuk faedah yang dikreditkan.

² Termasuk saham amanah dan bukan amanah, sekuriti hutang swasta dan waran.

³ Termasuk deposit jangka panjang dan pendek.

⁴ Termasuk cawangan mini dan kecil.

^a Data awalan.

Sumber: Bank Simpanan Nasional.

Seiringan dengan pertumbuhan jumlah sumber yang lebih rendah, pelaburan meningkat dengan sederhana sebanyak 7.3% kepada RM3.6 bilion pada 30 Jun 1994, daripada akhir tahun 1993 (Januari-Jun 1993: 30%). Pelaburan dalam sekuriti jaminan Kerajaan (meliputi MGS, bon Cagamas dan bil Perbendaharaan) merosot sebanyak 0.2% kepada RM2.2 bilion di mana MGS merupakan 97% daripada jumlah tersebut. Begitu juga, simpanan dengan institusi kewangan lain merosot kepada RM605 juta daripada RM932 juta, disebabkan BSN beralih kepada pelaburan lain. Namun demikian, pelaburan dalam stok dan saham meningkat dengan ketara sebanyak 247.2% kepada RM809 juta, kerana pasaran saham yang kurang cergas memberi peluang kepada pelabur institusi seperti BSN bagi menambah portfolio ekuitinya.

Aktiviti pemberian pinjaman BSN juga merosot sebagaimana yang ditunjukkan oleh kemerosotan sebanyak 1.7% dalam jumlah pinjaman belum bayar pada 30 Jun 1994, daripada RM1 bilion pada akhir tahun 1993. Ini disebabkan oleh pembayaran awal dan kematangan beberapa pinjaman yang diluluskan kepada individu yang berjumlah RM827 juta pada 30 Jun 1994, berbanding dengan RM865 juta pada akhir tahun 1993. Sebaliknya, pinjaman yang diluluskan kepada sektor korporat dan sewa beli meningkat, sementara kredit yang diluluskan kepada kad kredit Visa kekal tidak berubah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.8.

Sebagai sebahagian dari program pengembangannya, BSN telah menubuhkan tiga buah cawangan mini tambahan dan memasang sembilan mesin juruwang automatik (ATMs) tambahan dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Sehubungan dengan itu, pada akhir bulan Jun 1994, BSN mempunyai sejumlah 477 buah cawangan daerah, mini dan kecil serta 568 ATMs di seluruh negara. Seajar dengan objektifnya untuk menyediakan produk yang lebih baik dan berbagai, BSN melancarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada 1 April 1994. Sebagai permulaannya, dua produk iaitu Akaun Simpanan Al-Wadiah dan Akaun Pelaburan Al-Mudharabah disediakan di 113 cawangan daerah dan mini. Pada akhir bulan Jun 1994, deposit yang digerakkan di bawah Akaun Simpanan Al-Wadiah berjumlah RM2.5 jutapada dari 2,101 akaun, sementara skim Pelaburan Al-Mudharabah menarik RM0.4 juta dari 46 sijil. Memandangkan sambutan yang menggalakkan untuk SPTF, BSN dijangka menambahkan bilangan produk berdasarkan prinsip Islam serta menambah cawangan yang memberi perkhidmatan sedemikian.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Sebagai satu kumpulan, dana wang simpanan dan pencen utama yang terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Amanah Pencen, kekal sebagai sumber terbesar pembiayaan jangka panjang bagi sektor awam. **Jumlah sumber** Kumpulan Wang-kumpulan wang ini, sebagai satu kumpulan berkembang sebanyak 8.9% kepada RM89.1 billion pada akhir bulan Jun 1994, daripada akhir tahun 1993 (Januari-Jun 1993: 9.4%), di mana 47.4% adalah terdiri daripada MGS.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan **jumlah sumber** sebanyak RM78.5 bilion pada 30 Jun 1994, terus kekal sebagai kumpulan wang simpanan dan pencen yang terbesar di negara ini. Ini merupakan peningkatan sebanyak 8.1% (RM5.9 bilion) daripada akhir tahun 1993, berbanding dengan pertambahan sebanyak 8.5% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Peningkatan sumber yang berterusan adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh pertambahan akaun pencarum, kesan pertambahan tenaga buruh dan paras upah yang lebih tinggi di samping pulangan yang lebih tinggi dari pelaburannya. **Caruman kasar** meningkat sebanyak 21% kepada RM4.4 bilion (Januari-Jun 1993: 20.8%), sementara **pengeluaran** berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 12.4% kepada RM1.3 bilion (Januari-Jun 1993: 23.3%). Dengan demikian, **caruman bersih** meningkat dengan lebih pesat sebanyak 24.8% kepada RM3.2 bilion (Januari-Jun 1993: 19.7%). Jumlah baki belum bayar akaun pencarum termasuk faedah dikreditkan, meningkat sebanyak 4.5% kepada RM75.1 bilion daripada akhir tahun 1993 (Januari-Jun 1993: 4.1%), merupakan 95.1% daripada jumlah sumber. Sementara itu, bilangan pencarum bersih kepada Kumpulan Wang ini meningkat seramai 165,510 orang kepada 7.1 juta orang pada akhir bulan Jun 1994, daripada akhir tahun 1993.

Selaras dengan pertambahan sebanyak RM5.9 bilion dalam jumlah sumber, jumlah pelaburan KWSP berkembang sebanyak 7.9% kepada RM76.9 bilion daripada akhir tahun 1993 (Januari-Jun 1993: 8.4%), iaitu merupakan 97.9% daripada keseluruhan jumlah sumber. Pemegangan MGS meningkat iaitu sebanyak 3.7% kepada RM40.7 bilion daripada akhir tahun 1993, namun jumlah tersebut masih di bawah keperluan wajib pelaburan terkumpulnya dalam MGS iaitu sebanyak 70%. Pelaburan dalam pinjaman dan debentur (termasuk nota jaminan) meningkat sebanyak 21.3% kepada RM10.5 bilion (Januari-Jun 1993: 18.8%). Pelaburan dalam sekuriti korporat meningkat dengan nyata sebanyak 50.3% kepada RM4.5 bilion (Januari-Jun 1993: 12.8%) selaras dengan objektif KWSP untuk mempelbagaikan pelaburan kepada bidang yang menghasilkan pulangan yang lebih tinggi. Dalam tempoh yang sama, pelaburan dalam sijil deposit boleh niaga, deposit tetap dan jangka pendek (termasuk simpanan dalam Akaun Pasaran Wang, Bank Negara Malaysia) meningkat

Jadual 9.9
Kumpulan Wang Simpanan Dan Pencen
(pada akhir tempoh)

	<i>Jumlah sumber (RM juta)</i>		<i>Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM juta)</i>		<i>Bilangan ahli (‘000)</i>	
	1993	Jun 1994 ^a	1993	Jun 1994 ^a	1993	Jun 1994 ^a
KWSP	72,674	78,541	39,265	40,710	6,939	7,105
PERKESO	3,275	3,559	1,586	1,644	6,285	6,584
TAT	2,771	2,911	24	13	103	99
KWAP	3,047	4,037	0	0	—	—
JUMLAH	81,767	89,048	40,875	42,367	13,327	13,788

^a Data awalan.

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO, Tabung Angkatan Tentera (TAT) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP).

sebanyak 4.1% kepada RM21.2 bilion (Januari-Jun 1993: 23.3%). Pelaburan selebihnya adalah dalam bentuk aset tetap dan harta benda.

KWSP dengan dana boleh labur yang kian meningkat dijangka memainkan peranan yang lebih penting ke arah memenuhi keperluan pembiayaan sektor swasta. Penglibatan aktif KWSP dalam membiayai pembinaan beberapa projek infrastruktur dan pengeluar tenaga persendirian yang besar adalah satu petunjuk ke arah tersebut.

Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) ditubuhkan pada 1 Jun 1991 di bawah Akta Tabung Amanah Pencen 1991, dengan tujuan membangunkan satu tabung pembiayaan sendiri bagi mengambil alih tanggungjawab Kerajaan untuk memenuhi kos bayaran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah pencen kepada kakitangan awam yang bersara. Dana adalah diperolehi dari sumbangan tahunan Kerajaan (pada mulanya ditetapkan sebanyak 5% daripada bayaran emolumen tahunan perkhidmatan awam), caruman bulanan yang dilakukan oleh majikan menurut Akta Pencen Badan Berkanun dan Tempatan, 1980 (ditetapkan sebanyak 17.5% daripada gaji

kakitangan pencen), bayaran balik caruman majikan kepada KWSP dan lain kumpulan wang yang dibenarkan dan Tabung Angkatan Tentera yang dilakukan untuk kakitangan awam yang bersara, pendapatan daripada pelaburan dan sumber lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. **Jumlah sumber** KWAP meningkat sebanyak 32.5% kepada RM4 bilion pada 30 Jun 1994 daripada akhir tahun 1993 (Januari-Jun 1993: 49.6%). Sebahagian besarnya (80.7%) disalurkan kepada pelaburan dan bakinya terdiri daripada wang tunai dan simpanan di dalam sistem bank (terutamanya Akaun Pasaran Wang, Bank Negara Malaysia). Sementara itu, caruman yang diterima dalam tempoh separuh pertama tahun 1994 berjumlah RM945 juta (Januari-Jun 1993: RM803 juta).

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, untuk menyediakan faedah keselamatan sosial kepada pekerja melalui skim Bencana Pekerjaan dan skim Pencen Ilat. Bagi mencerminkan pertambahan berterusan dalam caruman bersih dan pendapatan daripada pelaburannya, **jumlah sumber** PERKESO

meningkat sebanyak 8.7% kepada RM3.6 bilion pada 30 Jun 1994 daripada akhir tahun 1993, berbanding dengan pertambahan sebanyak 8.9% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sebahagian besar sumber tersebut dilaburkan dalam MGS (46.2%), wang tunai dan deposit dalam sistem bank (40.1%) dan selebihnya terdiri daripada terutamanya aset tetap dan aset lain. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, caruman yang diterima berjumlah RM274 juta, sementara jumlah pembayaran faedah adalah sebanyak RM184 juta, menghasilkan **caruman bersih** sebanyak RM90 juta (Januari-Jun 1993: RM176 juta). Sehingga 30 Jun 1994, bilangan pekerja berdaftar adalah seramai 6,584,277 orang iaitu pertambahan seramai 299,083 orang (Januari-Jun 1993: 261,489 orang).

Tabung Angkatan Tentera (TAT) telah ditubuhkan pada tahun 1973, untuk memberi faedah persaraan kepada anggota tentera dalam perkhidmatan tentera. **Jumlah sumber** TAT meningkat lebih tinggi lagi sebanyak 5.1% atau RM141 juta pada 30 Jun 1994 daripada RM2.8 bilion pada akhir tahun 1993, berbanding dengan pertambahan sebanyak 3.9% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Ini disebabkan terutamanya oleh pertambahan yang besar dalam pulangan dari pelaburan jangka panjang, memandangkan baki belum bayar pencarum merosot. Akaun pencarum, termasuk faedah yang dikreditkan, merosot sebanyak 3.8% atau RM99 juta daripada RM2.6 bilion pada akhir 1993, yang merupakan 85.4% daripada jumlah sumber (akhir tahun 1993: 93.3%). Ini terutamanya disebabkan oleh defisit caruman bersih yang lebih besar berjumlah RM99 juta, berbanding dengan RM22 juta dalam tempoh yang sama tahun 1993. Bilangan ahli berkurangan seramai 3,300 orang pada 30 Jun 1994, daripada 102,700 orang pada akhir tahun 1993, kerana bilangan anggota yang bersara melebihi anggota baru. TAT melaburkan 76.5% daripada dananya dalam sekuriti korporat dan penyertaan ekuiti secara langsung (melalui anak syarikat dan syarikat bersekutu) dan 23% dalam bentuk wang tunai dan deposit dalam sistem bank. Pelaburan dalam MGS merosot kepada RM13 juta dan kekal kecil.

Syarikat-syarikat Insurans

Industri insurans terus berkembang pada tahun 1993, selaras dengan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang terus tinggi. Pendapatan premium

sektor insurans nyawa dan am yang digabungkan meningkat sebanyak 16.1% kepada RM5.3 bilion, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 18.8% pada tahun 1992. Pendapatan premium industri insurans sebagai peratusan daripada Keluaran Negara Kasar nominal bertambah baik kepada 3.3% pada tahun 1993, berbanding dengan 3.2% pada tahun 1992. Jumlah faedah dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industri insurans meningkat sebanyak 9.7% kepada RM1.8 bilion (1992: 18%), iaitu merupakan 33.6% daripada pendapatan premium (1992: 35.6%). Pada masa yang sama, jumlah aset industri insurans meningkat sebanyak 24.5% kepada RM17 bilion pada akhir tahun 1993 (1992: 20.6%) iaitu merupakan 3% daripada jumlah aset sistem kewangan (1992: 3.1%).

Perniagaan baru sektor **insurans nyawa** mencatatkan pertumbuhan yang mampan selaras dengan prestasi ekonomi tempatan. Bilangan polisi baru yang dikeluarkan meningkat dengan lebih pesat lagi sebanyak 16% kepada 824,521 unit pada tahun 1993 (1992: 12.3% kepada 710,964) menjadikan jumlah bilangan polisi yang berkuatkuasa meningkat kepada 3,764,990 unit pada akhir tahun 1993. Dengan demikian, premium baru bertambah sebanyak 13.8% kepada RM937 juta (1992: 12.6%), sementara nilai baru diinsuranskan meningkat sebanyak 19.1% kepada RM46 bilion (1992: 22.4%). Premium tahunan berkuatkuasa juga meningkat sebanyak 22.3% kepada RM3 bilion (1992: 22.4%), sementara jumlah nilai diinsuranskan berkuatkuasa meningkat sebanyak 23.5% kepada RM157.4 bilion (1992: 20.6%). Jumlah aset syarikat insurans nyawa terus meningkat secara mengagumkan sebanyak 23.9% kepada RM12.1 bilion (1992: 17.7% kepada RM9.8 bilion) iaitu merupakan 71.3% daripada aset keseluruhan industri insurans. Sebahagian besar dana insurans nyawa dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan dan pinjaman jaminan Kerajaan (35.2%), wang tunai dan deposit (22%) dan sekuriti korporat (17.7%) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.11.

Pada tahun 1993, pertumbuhan sektor **insurans am** menjadi sederhana seperti yang ditunjukkan oleh pendapatan premium. Jumlah premium diurusniagakan meningkat sederhana sebanyak 11.1% kepada RM3.2 bilion (1992: 20.6%) disebabkan oleh pengecualian yang diberi di bawah Seksyen 34A Akta Insurans kepada beberapa pemilik risiko besar bagi menginsuranskan

Jadual 9.10

Perniagaan Insurans Nyawa dan Am

	1992	1993 ^a
Insurans Nyawa (RM juta)		
Perniagaan Baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	711	825
Jumlah diinsuranskan	38,662	46,039
Jumlah premium	824	937
Perniagaan Berkuatkuasa:		
Bilangan polisi ('000 unit)	3,242	3,765
Nilai diinsuranskan	127,435	157,420
Premium tahunan	2,432	2,975
Pendapatan Premium	2,409	2,960
Pembayaran faedah:		
Jumlah	646	772
Kematangan	251	291
Kematian dan hilang keupayaan	226	288
Penyerahan	142	157
Bonus tunai	27	36
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Diurusniagakan	2,894.7	3,216.5
Bersih	2,170.3	2,355.9
Insurans semula di luar Malaysia	724.4	806.6
Nisbah pembendungan (%)	75.0	73.2
Bilangan Syarikat Insurans		
Langsung:		
Nyawa	4	5
Am	40	41
Campuran	14	13
Insurans semula:		
Am	1	2

^a Data awalan.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans.

beberapa projek berisiko besar mereka secara langsung di seberang laut, di samping penarikan balik beberapa premium motor oleh Kumpulan Insurans Motor Berisiko Tinggi dari pasaran pada tahun 1993. Sejumlah RM861 juta diinsurans semula di luar negeri, menghasilkan nisbah pembendungan bersih sebanyak 73.2% (1992: 75%). Prestasi yang lebih baik bagi tuntutan ditanggung telah dicatatkan oleh kesemua sektor perniagaan insurans am. Nisbah tuntutan keseluruhan bertambah baik sebanyak 5.2 mata peratusan kepada 56.5% pada tahun 1993 (1992:

61.7%). Jumlah aset sektor insurans am meningkat sebanyak 26.1% kepada RM4.9 bilion pada akhir tahun 1993, berbanding dengan 28.7% pada tahun 1992. Wang tunai dan deposit berjumlah RM2.1 bilion, terus kekal sebagai portfolio pelaburan yang terbesar, diikuti oleh sekuriti Kerajaan sebanyak RM1.4 bilion seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.11.

Pada akhir tahun 1993, terdapat 61 syarikat insurans, terdiri daripada lima syarikat insurans nyawa, 13 syarikat campuran, 41 syarikat insurans am dan dua syarikat insurans semula am. Daripada jumlah ini, 51 buah adalah diperbadankan di Malaysia dan selebihnya milik asing. Bilangan broker insurans berlesen kekal sebanyak 36 pada tahun 1993, sementara bilangan penyelaras kerugian berlesen berkurangan sebanyak satu pada akhir tahun 1993, daripada 43 pada akhir 1992.

Bagi tahun 1994, pertumbuhan industri insurans dijangka kekal selaras dengan pertumbuhan ekonomi tempatan yang berterusan. Peningkatan dalam pengecualian cukai pendapatan persendirian ke atas caruman kepada KWSP, kumpulan wang dibenarkan dan premium insurans

Jadual 9.11

Dana Syarikat Insurans Nyawa dan Am¹

	Insurans Nyawa		Insurans Am	
	1992	1993 ^a	1992	1993 ^a
Aset tetap	115.3	99.4	183.1	215.4
Pinjaman	1,990.4	2,062.1	69.4	72.9
Sekuriti Kerajaan ²	2,750.9	3,811.0	1,044.6	1,295.1
Pinjaman jaminan Kerajaan	497.7	453.7	80.8	77.7
Sekuriti korporat	1,606.7	2,151.2	368.0	483.2
Hartanah	348.8	515.6	29.1	42.2
Wang tunai dan deposit	2,145.9	2,674.4	1,584.3	2,084.0
Lain-lain	338.5	383.7	504.9	602.0
JUMLAH	9,794.2	12,131.1	3,864.2	4,873.1

¹ Pada akhir tempoh dalam RM juta.

² Termasuk bil Perbendaharaan dan sekuriti Kerajaan yang dikeluarkan di luar negeri.

^a Data awalan.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans.

nyawa atau sumbangan takaful kepada RM5,000 daripada RM3,500 mulai tahun taksiran 1994, dijangka akan mendorong sektor insurans nyawa secara positif. Data belum audit bagi suku pertama tahun 1994 menunjukkan pendapatan premium industri insurans yang disatukan, meningkat sebanyak 19.8% kepada RM1.4 bilion, berbanding dengan 17.4% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Sementara itu, jumlah aset sektor insurans nyawa dan am meningkat sebanyak 10.6% kepada RM17.8 bilion (Januari-Mac 1993: 21% kepada RM14.2 bilion). Data belum audit premium perniagaan baru sektor insurans nyawa menunjukkan peningkatan sebanyak 39.3% kepada RM250 juta (Januari-Mac 1993: 24.9%), sementara bilangan polisi baru yang dikeluarkan meningkat sebanyak 16.6% kepada 181,148 polisi (Januari-Mac 1993: 8%). Premium tahunan berkuatkuasa sektor insurans nyawa pada peringkat awalnya meningkat sebanyak 23.5% kepada RM3.1 bilion dalam tempoh suku pertama tahun 1994 (Januari-Mac 1993: 23.2%). Akaun belum audit bagi suku pertama tahun 1994, menunjukkan jumlah kasar premium diurusniagakan bagi sektor insurans am meningkat sederhana sebanyak 11.1% kepada RM884 juta (Januari-Mac 1993: 15.1%). Premium yang diinsuranskan semula di seberang laut berjumlah RM257 juta dan dengan demikian menghasilkan premium dibendung bersih sebanyak RM627 juta.

Sebuah syarikat insurans utama yang menyediakan perkhidmatan menurut prinsip Islam ialah Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. (sebuah syarikat takaful yang didaftarkan pada 15 Julai 1985 di bawah Akta Takaful 1984). Data awalan menunjukkan jumlah dana meningkat sebanyak 28.7% kepada RM97.4 juta pada akhir tahun kewangan (TK) yang berakhir pada 30 Jun 1994, berbanding dengan pertambahan sebanyak 29.4% bagi tahun kewangan 1993. Dana tersebut terdiri daripada takaful keluarga (nyawa) RM55 juta (TK 1993: RM41 juta), takaful am RM20 juta (TK 1993: RM18 juta) dan dana pemegang saham RM22 juta (TK 1993: RM18 juta). Sebahagian besar (41%) daripada dana takaful dilaburkan dalam akaun pelaburan di Bank Islam Malaysia Berhad, sementara 19.7% adalah dalam kemudahan pinjaman Al-Bai Bithaman Ajil dan 18% dalam sijil Pelaburan Kerajaan.

Dalam tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 1994, jumlah penyertaan baru di bawah **perniagaan takaful keluarga** meningkat

sebanyak 2% kepada RM381 juta (TK 1993: 2%). Bilangan sijil baru yang dikeluarkan di bawah perniagaan takaful keluarga meningkat dengan ketara sebanyak 90% kepada 6,898 sijil (TK 1993: 15%: 3,638 sijil), sementara caruman baru meningkat sebanyak 77% kepada RM11 juta (TK 1993: 10%). Walau bagaimanapun, 713 sijil dengan nilai RM5 juta telah ditamatkan, berbanding dengan 581 sijil yang melibatkan caruman sebanyak RM5 juta dalam TK 1993. Justeru pada 30 Jun 1994, bilangan sijil berkuatkuasa berjumlah 24,590 sijil dengan caruman berjumlah RM19 juta. Pada masa yang sama, caruman kasar yang diterima di bawah **perniagaan takaful am** meningkat sebanyak 16.3% kepada RM39 juta (TK 1993: 10.8%) terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan caruman daripada perniagaan kebakaran yang ketara. Jumlah tuntutan bersih yang dibayar dalam tempoh yang dikaji meningkat sebanyak 6.3% kepada RM12 juta.

Jadual 9.12

Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad

	TK 1993	TK 1994 ^a
Aset¹ (RM juta)		
Sijil Pelaburan Malaysia	81.2	27.0
Pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	12.7	61.6
Lain-lain ²	29.6	61.8
Takaful keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah premium (RM juta)	6.1	10.9
Bilangan sijil	3,638	6,898
Perniagaan berkuatkuasa:		
Premium tahunan (RM juta)	12.4	18.5
Nilai diinsuranskan (RM juta)	1,075.6	1,270.6
Perniagaan Takaful Am		
Caruman kasar	33.6	33.1
Tuntutan bersih dibayar	11.6	12.4

¹ Pada akhir tempoh 30 Jun.

² Termasuk saham, wang tunai dan baki dan aset lain.

^a Data awalan.

Sumber: Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad.

Selaras dengan objektif Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan insurans berdasarkan prinsip Islam dan menggalakkan persaingan sihat, sebuah lagi syarikat takaful, MNI Takaful Sendirian Berhad (MNIT) didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 pada 20 November 1993. Sehingga 31 Julai 1994, jumlah dana MNIT berjumlah RM20.8 juta terdiri yang daripada takaful keluarga (RM0.4 juta), takaful am (RM72,000) dan dana pemegang saham (RM20.3 juta).

Pasaran Modal

Aktiviti dalam pasaran modal Malaysia terus membangun dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, walaupun pasaran saham tempatan mengalami fasa pengukuhan. Beberapa langkah pengawalan dan pentadbiran telah diperkenalkan bagi mengukuh dan mendalami lagi pasaran modal selaras dengan pertambahan permintaan dan kecanggihan pasaran kewangan. Rangka undang-undang bagi memperkenalkan urus niaga dalam kewangan hadapan dan opsyen telah digariskan dengan penggubalan Akta Industri Hadapan 1992, yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1993. Pasaran Hadapan Kuala Lumpur (KLFM) pada mulanya akan berurus niaga dalam MGS lima tahun dan KLIBOR 3-bulan, sementara Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) akan berurus niaga dalam opsyen saham. Penubuhan pusat penjelasan bersama bagi KLFM dan KLOFFE tidak lama lagi akan menyaksikan urus niaga dalam kewangan hadapan dan opsyen dalam sedikit masa lagi.

Jumlah dana bersih yang diperolehi dari pasaran modal meningkat sebanyak 97.2% kepada RM12.4 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, berbanding dengan kejatuhan sebanyak 23.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.13. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perolehan yang lebih besar dari sekuriti korporat dan hutang swasta. Jumlah dana kasar yang diperolehi oleh sektor awam berjumlah RM5.5 bilion atau 32.5% daripada jumlah keseluruhan (Januari-Ogos 1993: RM3.6 bilion atau 45.3% daripada jumlah).

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, Kerajaan mengapungkan satu terbitan **MGS** dengan nilai RM2.5 bilion dan dua terbitan sijil Pelaburan Kerajaan dengan nilai RM3 bilion.

Jadual 9.13

Dana Yang Diperoleh dari Pasaran Modal

	1993 Januari-Ogos (RM juta)	1994 ^a Januari-Ogos (RM juta)
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan ¹ , kasar	1,600	2,500
Tolak: Penebusan	823	3,549
Bersamaan: Terbitan bersih	777	-1,049
Tolak: Pegangan Kerajaan	0	0
Bersamaan: Terimaan Persekutuan, Bersih	777	-1,049
Bon Simpanan Malaysia, bersih	905	-51
Sijil Pelaburan, bersih	1,000	2,800
Dana bersih yang diperolehi	2,682	1,700
Oleh Sektor Swasta		
Saham ²	2,386	5,008
Terbitan awam	1,156	2,498
Terbitan hak	723	1,586
Terbitan khas ³	507	558
Tawaran persendirian ⁴	0	365
Sekuriti Hutang ⁵ (kasar)	1,855	6,434
Bon konvensional	352	2,381
Bon boleh tukar	133	353
Nota berasaskan prinsip Islam	0	300
Bon Cagamas	1,370	3,400
Tolak: Penebusan	623	719
Keluaran bersih sekuriti hutang	1,232	5,715
Dana bersih yang diperolehi	3,618	10,722
JUMLAH	6,300	12,422

¹ Merujuk kepada Sekuriti Kerajaan Persekutuan, tidak termasuk bil-bil Perbendaharaan.

² Merujuk kepada sekuriti korporat yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

³ Termasuk keluaran khas kepada pelabur Bumiputera dan pelabur terpilih.

⁴ Termasuk tawaran jualan.

⁵ Merujuk kepada sekuriti yang mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun.

^a Data awalan.

Sementara itu, pembayaran balik MGS kerana kematangan berjumlah RM3.5 bilion dan sijil Pelaburan Malaysia sebanyak RM200 juta, manakala bon Simpanan Malaysia berjumlah RM51 juta telah ditebus oleh pemegangnya. Justeru itu, dana bersih yang diperolehi oleh sektor awam berjumlah RM1.7 bilion, berbanding dengan dana bersih sebanyak RM2.7 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1993.

Jumlah dana kasar yang diperolehi oleh sektor swasta melalui pengeluaran sekuriti korporat disenaraikan dan PDS dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 meningkat sebanyak 169.8% kepada RM11.4 bilion, berbanding dengan pertambahan sebanyak 25.6% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Dana yang diperolehi dari **sekuriti korporat disenaraikan** merupakan 43.8% daripada jumlah itu. Jumlah yang diperolehi dari sekuriti korporat terdiri daripada RM1.6 bilion dari 28 terbitan awam, RM2.5 bilion dari 27 terbitan hak, RM558 juta dari 11 terbitan khas dan RM365 juta dari tawaran persendirian. Dana kasar yang diperolehi dari **PDS** dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, meningkat sebanyak 246.8% kepada RM6.4 bilion. Dana ini diperolehi melalui 11 terbitan bon Cagamas (RM3.4 bilion), 36 terbitan bon konvensional (RM2.4 bilion), tiga terbitan bon boleh tukar (RM353 juta) dan satu terbitan surat jaminan berasaskan prinsip Islam (RM300 juta). Pada masa yang sama, sejumlah RM5.7 bilion telahpun ditebus, menghasilkan dana bersih sebanyak RM10.7 bilion yang diperolehi dari pasaran sekuriti hutang.

Di samping bon, **Cagamas Berhad**, perbadanan gadai janji negara, memperoleh RM1.8 bilion dari lapan terbitan nota Cagamas dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 (Januari-Ogos 1993: RM1.8 bilion). Nota itu dengan tempoh kematangan di antara tiga hingga sembilan bulan terutamanya adalah bagi memenuhi keperluan pembiayaan jangka pendek berpunca dari aliran tunai yang tidak seimbang. Sementara itu, Cagamas Berhad telah membeli sejumlah 35,430 pinjaman perumahan bernilai RM3.4 bilion, berbanding dengan 24,758 pinjaman perumahan dengan nilai RM1.6 bilion.

Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) menyempurnakan sejumlah 57 pengkadaran hutang korporat dengan nilai RM7.7 bilion (Januari-Ogos 1993: 36 terbitan dengan nilai RM4.7 bilion).

Ini meningkatkan jumlah pengkadaran korporat yang dilakukan oleh RAM sehingga kini kepada 151 dengan nilai RM19.4 bilion. Pertambahan ini sebahagiannya disebabkan oleh peraturan wajib oleh kedua-dua Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang mengkehendaki semua PDS dikadarkan oleh RAM berkuasa mulai Mei 1992, penerimaan bertambahan PDS sebagai satu opsyen pembiayaan dan pelaburan yang menarik dan berdaya maju. RAM juga melaksanakan rasionalisasi pengkadaran terhadap terbitan yang dijamin oleh bank. Berkuasa mulai 1 Jun 1994, pengkadaran terbitan jaminan bank yang baru adalah dibuat berasaskan mutu kredit institusi kewangan penjamin. Sehingga 31 Ogos 1994, RAM telah mengkadar sebanyak 11 institusi (yang terdiri daripada empat bank perdagangan, enam bank saudagar dan satu syarikat kewangan) daripada 45 institusi kewangan yang telah menjamin terbitan PDS.

Bursa Saham Kuala Lumpur

Minat belian yang berterusan oleh pespekulasi dan pelabur disokong oleh khabar angin mengenai suntikan harta ke dalam syarikat yang disenaraikan serta prestasi kukuh pasaran saham luar negeri menyaksikan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatatkan rekod terbaharu dalam tempoh akhir tahun 1993, mengatasi rekod-rekod yang dicapai sebelum ini. Urus niaga pasaran harian meningkat kepada RM4.8 bilion pada 22 Disember 1993, melebihi paras tertinggi sebanyak RM4 bilion yang dicapai pada 28 Oktober 1993. Dengan demikian pada 31 Disember 1993, paras tertinggi telah dicatatkan oleh kesemua indeks harga kecuali Indeks Keluaran Perindustrian dan Pembinaan yang mencapai paras tertinggi dua hari lebih awal pada 29 Disember 1994. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) ditutup pada 1,275.32 mata, Indeks EMAS pada 383.73 mata dan nilai pasaran berjumlah RM619.6 bilion pada 31 Disember 1993.



BSKL mengalami sokongan susulan yang kukuh pada beberapa hari pertama tahun 1994. Pada 4 Januari 1994, Indeks Emas mencatatkan paras tertinggi dalam sejarah sebanyak 394.42 mata dan nilai pasaran sebanyak RM637.7 bilion, sementara pada 5 Januari 1994 Indeks Komposit meningkat kepada 1,314.46 mata dan nilai sehari kepada RM5.6 bilion. Begitu juga, indeks harga lain juga mencatatkan paras tertinggi pada dua

hari perdagangan tersebut. Walau bagaimanapun, pasaran saham tempatan mengalami pembetulan yang nyata bagi baki tempoh bulan Januari, disebabkan oleh pasaran yang kurang menarik di kebanyakan bursa saham utama luar negeri, penarafan semula yang lebih rendah BSKL oleh beberapa pengurus dana utama luar negeri akibat harga-harga saham yang melebihi nilai di samping kejatuhan nilai ringgit. Bursa Saham Hong Kong sebagai contoh, mencatatkan kejatuhan sehari sebanyak 6.5% kepada 11,374.50 mata pada 6 Januari 1994.

Harga saham naik semula secara singkat pada bulan Februari 1994 tetapi sentimen lemah kekal dari bulan Mac sehingga Julai 1994, kerana BSKL mengalami tempoh pengukuhan yang berpanjangan disebabkan oleh kekurangan petunjuk positif yang baru dan Bursa Saham New York yang tidak stabil akibat kadar faedah antarabangsa yang semakin meningkat. Pada 21 Mac 1994, KLCI ditutup pada 954.18 mata, buat kali pertama indeks ini jatuh di bawah paras psikologi 1,000 mata sejak 1 Disember 1993. KLCI berkurangan kepada tahap terendah dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, iaitu pada 928.33 mata pada 4 April 1994. Harga saham naik semula buat sementara waktu selama tiga minggu, ketika KLCI melebihi paras 1,000 mata semula pada 12 April 1994 pada 1,024.82 mata. Namun demikian, kenaikan harga ini tidak dapat bertahan kerana kejatuhan dolar Amerika Syarikat kepada paras terendah sejak Perang Dunia Kedua dan kenaikan nilai yen. Sentimen yang lemah berterusan sebagaimana yang dicerminkan oleh pusing ganti harian purata yang kian berkurangan yang merosot kepada jumlah terendah sejak bulan Februari 1993, sebanyak 96.7 juta unit dengan nilai RM511 juta pada bulan Mei 1994, berbanding dengan 448.6 juta unit bernilai RM2.6 bilion pada Januari 1994. Walau bagaimanapun, minat belian kembali semula menjelang akhir bulan Julai 1994, dan harga saham terus kukuh sepanjang bulan Ogos 1994, sebahagiannya disebabkan oleh kembalinya dana asing ekoran keuntungan sektor korporat dan kadar inflasi yang bertambah baik di samping asas ekonomi yang kukuh negara ini.

Dengan demikian, kesemua indeks harga mencatatkan kejatuhan dua digit pada akhir bulan Ogos 1994, berbanding dengan akhir tahun 1993 kecuali Indeks Perusahaan yang merosot sebanyak 8.6%. Indeks Papan Kedua mencatatkan kejatuhan yang terbesar sebanyak 23.4%, diikuti

Carta 9.3
Bursa Saham



oleh sektor Perlombongan sebanyak 16.5% seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.14. Kejatuhan keseluruhan harga-harga saham juga dicerminkan dalam kejatuhan sebanyak 8.6% nilai pasaran kepada RM566.6 bilion pada akhir bulan Ogos 1994, daripada RM619.6 bilion pada akhir tahun 1993. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, jumlah pusing ganti merosot sebanyak 25.8% kepada 40.1 bilion unit, berbanding dengan peningkatan sebanyak 612.3% pada tempoh yang sama tahun 1993. Namun demikian, dari segi nilai ianya adalah 36.5% lebih tinggi berjumlah RM209.5 bilion (Januari-Ogos 1993: 528.8%). Justeru, kecairan pasaran seperti yang diukur oleh nilai pusing ganti berbanding nilai pasaran merosot kepada 37% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, daripada 42.6% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Begitu juga, satu lagi petunjuk kecairan iaitu nisbah jumlah pusing ganti berbanding bilangan sekuriti yang disenaraikan merosot kepada 47.6%, berbanding dengan 76% pada tempoh yang sama tahun 1993.

Jadual 9.14

Bursa Saham Kuala Lumpur: Petunjuk Utama

	1993	1994 Ogos
Indeks Harga¹		
Komposit	1,275.32	1,130.01
EMAS	383.73	327.56
Papan Kedua	352.01	269.67
Perindustrian	2,029.82	1,863.55
Kewangan	8,759.81	7,564.73
Harta benda	3,370.43	2,899.09
Perladangan	3,572.58	3,004.52
Perlombongan	857.57	716.05
Nisbah harga perolehan ¹	48.2	36.2
Nilai pasaran ¹ (RM bilion)	619.6	566.6
Jumlah syarikat yang disenaraikan ¹	413	439
Urus niaga²		
Jumlah (juta unit)	54,040.9	40,103.6
Nilai (RM juta)	153,522.3	209,499.1

¹ Pada akhir tempoh.

² Untuk Januari-Ogos sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama, 26 buah syarikat baru, melibatkan modal nominal sebanyak RM1.3 bilion telah disenaraikan dalam BSKL (Januari-Ogos 1993: 29 syarikat), dengan ini menambahkan bilangan syarikat yang disenaraikan kepada 439 buah pada akhir bulan Ogos 1994. Papan Kedua menarik kebanyakan (19) daripada syarikat baru itu. Dalam tempoh kajian yang sama, dua buah syarikat awam yang diswastakan telah disenaraikan (termasuk Hicom yang disenaraikan melalui pengambilan terbalik sebuah kaunter yang sedia ada di Papan Utama). Dengan ini bilangan syarikat diswastakan yang disenaraikan telah meningkat kepada 17 buah pada akhir bulan Ogos 1994 iaitu merupakan 22% daripada jumlah nilai pasaran, berbanding dengan 21.7% pada akhir tahun 1993. Bagi mencerminkan pergerakan harga-harga yang lebih tepat, Hicom dimasukkan dalam pengiraan Indeks Komposit pada 14 Julai 1994 setelah memenuhi kesemua syarat penilaian yang sedia ada. Dengan ini Indeks yang berasaskan 85 buah syarikat telah meningkat kepada 86 syarikat.

Beberapa langkah pengawalan dan perundangan telah diperkenalkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 bagi mengukuhkan keyakinan para pelabur dan memastikan kekukuhan keseluruhan industri sekuriti. Ini termasuk:

- **Piawaian minimum bagi perniagaan sekuriti:** Untuk terus memberi perlindungan pelanggan yang lebih, SC telah mengumumkan pada 10 Mac 1994 satu set sementara yang mengandungi 10 piawaian minimum mengenai tata kelakuan perniagaan bagi urus niaga sekuriti. Piawaian ini, yang akan dilaksanakan oleh BSKL terutamanya bertujuan untuk memastikan bahawa syarikat broker saham memberi keutamaan kepada arahan pelanggan dan supaya tidak mengenakan perubahan secara tiba-tiba dan tidak adil kepada syarat dan peraturan dasar urus niaganya.
- **Keperluan dalam permohonan untuk pengeluaran persendirian bagi saham baru:** Keperluan dalam permohonan untuk keluaran persendirian bagi saham baru telah dilonggarkan oleh SC pada 10 Mac 1994, dengan syarat harganya adalah sama atau berhampiran dengan harga pasaran dan terbitan itu telah mendapat kelulusan daripada pemegang saham.

- **Pencetakan borang pindah milik saham di bahagian belakang sijil saham:** Berkuatkuasa mulai 27 Jun 1994 kesemua sijil saham yang akan dicetak oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL dikehendaki mencetak borang pindah milik (Borang 32A) di sebelah belakangnya. Langkah ini adalah bertujuan mengurangkan jumlah bebanan kertas dan meminimumkan kejadian borang pindah milik yang terkoyak atau terpisah. Di samping itu, sijil baru itu perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu BSKL sebelum dicetak.
- **Garis panduan mengenai operasi syarikat broker saham:** BSKL mengenakan syarat baru yang mengkehendaki syarikat broker saham mengemukakan kepadanya kedudukan mengenai aliran tunai masing-masing pada setiap minggu dan juga memberi notis yang secukupnya kepada pelanggan tentang sebarang perubahan dalam dasar dagangan dan amalan yang akan dilaksanakan oleh syarikat broker saham. Berkuatkuasa mulai Januari 1994, sebagai satu langkah untuk mengukuhkan lagi industri sekuriti, peraturan BSKL telah dipinda supaya membenarkan pemeriksaan audit tahunan secara mengejut ke atas syarikat broker saham.

Beberapa langkah pentadbiran juga dilaksanakan untuk menggalakkan pasaran saham yang cekap dan memudahkan BSKL mengendalikan jumlah perdagangan yang lebih besar. Tapak bagi kemudahan Jual-Beli Bursa Saham Kuala Lumpur (EDF) telah mula beroperasi pada 28 Mac 1994. Tapak EDF yang dilengkapi dengan kemudahan jual-beli di dalam premis BSKL akan melengkapi sistem urus niaga yang sedia ada dan juga akan digunakan dalam pelan pemulihan bencana BSKL. Ini akan memastikan sekiranya berlaku kerosakan yang besar terhadap rangkaian perhubungan, jual-beli akan diteruskan dari premis BSKL. Bagi memastikan bahawa borang permohonan saham diperolehi oleh orang ramai yang berminat, secara percuma dan meluas mungkin mengikut proses permohonan saham yang sedia wujud, borang permohonan boleh diperolehi melalui surat khabar. Propel Sendirian Berhad

merupakan terbitan awam pertama yang mana borang permohonan boleh diperolehi melalui surat khabar pada Jun 1994 dan diikuti oleh beberapa syarikat lagi walaupun langkah sementara ini adalah tidak wajib.

Satu sistem teknologi maklumat dikenali sebagai WinScore atau *Broker Front End* (BFE) telah mula beroperasi secara percubaan di tiga buah syarikat broker saham pada pertengahan bulan Jun 1994. Dengan BFE urus niaga, pengawasan maklumat pasaran benar (MASA II) dan menyemak kedudukan mengenai pasaran akan disepadukan kepada satu pangkalan sahaja, berbeza dengan sistem yang sedia ada di mana beberapa orang broker saham berkongsi satu pangkalan kemasukan pesanan yang dikendalikan oleh seorang pembeli pusat. Ini akan memudahkan pengendalian perniagaan yang lebih cekap dan terjamin dan memenuhi jumlah jual-beli yang bertambah. Memandangkan kepada kejayaan pelaksanaan secara percubaan, sistem ini akan diperluaskan kepada semua syarikat broker saham yang lain dan ianya dijangka akan disempurnakan menjelang awal tahun 1995.

Beberapa langkah yang dilaksanakan oleh agensi pengawal pada tahun 1992 dan 1993 juga bertambah pesat dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994. Berkuatkuasa mulai 1 September 1993, semua syarikat yang memohon untuk penyenaraian dalam BSKL dikehendaki menubuhkan **jawatankuasa audit** bagi memenuhi Keperluan Penyenaraian BSKL. Syarikat-syarikat yang sedia ada diberi tempoh masa satu tahun untuk memenuhi peraturan itu. Fungsi jawatankuasa audit (yang terdiri daripada sebahagian besar pengarah bukan eksekutif) antara lain adalah untuk mengkaji semula laporan pelan audit dan menilai kesemua sistem perakaunan dalaman. Sehingga 31 Ogos 1994, sebanyak 435 syarikat yang disenaraikan telahpun menubuhkan jawatankuasa audit, bakinya sebanyak empat buah syarikat yang belum mematuhi peraturan tersebut. Syarikat-syarikat itu diberi lanjutan masa sehingga 1 Oktober 1994 untuk berbuat demikian.

Pelaksanaan perdagangan tanpa skrip di bawah Sistem Depositori Pusat (CDS) diperhebatkan bagi meliputi kaunter dari Papan Utama kerana semua

penyenaraian baru di Papan Kedua dimasukkan ke dalam sistem itu secara wajib sejak bulan September 1993. Petronas Dagangan Berhad merupakan terbitan awam baru yang pertama di Papan Pertama yang dimasukkan secara langsung di bawah CDS, sementara Matsushita Electric Co.(M) Berhad menjadi kaunter pertama yang sedia ada di Papan Pertama yang dibawa masuk ke dalam CDS. Sehingga 31 August 1994 sejumlah 111 syarikat melibatkan 1.2 bilion saham telah dimasukkan ke dalam CDS. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, 77,324 akaun CDS baru telah dibuka, menambahkan jumlah akaun CDS kepada 352,201 pada akhir bulan Ogos 1994. Bilangan peserta dalam CDS meningkat kepada 77 daripada 71 pada akhir tahun 1993 yang terdiri daripada 59 Agen Depositori Dibenarkan (ADAs) dan 18 Ahli Depositori Dibenarkan (ADMs).

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, dua buah syarikat broker saham dengan modal berbayar sebanyak RM10 juta setiap satu, telah ditubuhkan, menambahkan bilangan syarikat kepada 60 dengan modal berbayar sebanyak RM2 bilion. Ini termasuk syarikat broker saham secara Islam yang pertama di negara ini. Justeru itu, purata modal berbayar meningkat kepada RM33.4 juta pada akhir bulan Ogos 1994, daripada RM28.1 juta pada akhir tahun 1993. Kedua-dua buah syarikat baru ini telah diberi kebenaran sehingga 30 Jun 1995 bagi mematuhi keperluan modal berbayar minimum sebanyak RM20 juta. Sementara dua buah syarikat belum mematuhi keperluan itu sehingga 30 Jun 1994, walaupun telah diberi tempoh masa lanjutan. Dengan demikian empat buah syarikat broker saham belum lagi mematuhi kehendak modal berbayar minimum sebanyak RM20 juta pada akhir bulan Ogos 1994.

Industri amanah unit meningkat pesat dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, seperti yang dicerminkan oleh pelancaran lima tabung amanah unit dengan jumlah saiz dana sebanyak 1.3 bilion unit seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.15. Di samping itu, kelulusan telah diberi kepada 26 tabung amanah unit untuk menambah saiz dana kepada jumlah keseluruhan sebanyak 4.2 bilion unit daripada 1.9 bilion unit. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh daya tarikan amanah unit sebagai satu bentuk tabungan-pelaburan yang berdaya maju, khususnya bagi pelabur kecil dan pindaan yang dilakukan oleh SC kepada Garis

Jadual 9.15

Dana Amanah Unit

<i>Nama Tabung/ Syarikat Pengurusan</i>	<i>Saiz (juta unit)</i>	<i>Tarikh dilancarkan</i>
Kuala Lumpur Mutual Fund Berhad		
– KL Aggressive Growth Fund	200	26 April 1994
– KL Regular Savings Fund	200	26 April 1994
BHLB Pacific Trust Management Berhad		
– Emerging Companies Growth Fund	200	10 Mei 1994
BIMB Unit Trust Management Berhad		
– Amanah Saham Bank Islam-Tabung Pertama	150	20 Jun 1994
Amanah Saham Selangor	500	6 Ogos 1994

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

Panduan mengenai Tabung Amanah Unit berkuatkuasa mulai Mac 1994 bagi mencapai kemajuan dan pembangunan kepada industri ini. Pindaan-pindaan termasuk menambah saiz dana maksimum bagi sesuatu amanah unit kepada 500 juta unit daripada 100 juta unit sebelum ini. Tabung amanah unit juga dibenarkan meningkatkan pelaburannya dalam saham bukan amanah sehingga 50% daripada jumlah nilai aset bersih dana di samping melabur sehingga 10% daripada nilai aset bersih dalam sekuriti yang disenaraikan dalam pasaran saham luar negeri.

Bursa Komoditi Kuala Lumpur

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, kontrak hadapan yang aktif di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) hanyalah kontrak hadapan minyak kelapa sawit mentah (MKSM). Hampir tiada dagangan dicatatkan bagi kontrak-kontrak yang lain ia itu minyak isirong sawit mentah, koko dan timah, mencerminkan kekurangan kecairan dan keadaan pasaran yang lemah. Sebaliknya, dagangan dalam kontrak hadapan MKSM adalah sangat menggalakkan.

Dagangan dalam kontrak hadapan MKSM dalam tempoh lapan bulan pertama meningkat dengan ketara sebanyak 74%, dengan jumlah dagangan sebanyak 375,183 lot (satu lot mengandungi 25

Jadual 9.16
BKKL: Jumlah Dagangan
(Januari-Ogos)

<i>Kontrak hadapan¹</i>	<i>Jumlah Dagangan</i>				
	<i>1993</i>		<i>1994</i>		<i>% perubahan</i>
	<i>Lot</i>	<i>Tan metrik</i>	<i>Lot</i>	<i>Tan metrik</i>	
Minyak kelapa sawit mentah (mksm)	215,594	5,389,850	375,183	9,379,575	74
Minyak isirong sawit mentah	4,504	67,860	206	5,150	-92
Koko	156	1,560	—	—	—
Timah	—	—	—	—	—

¹ Satu lot MKSM sawit mentah mengandungi 25 tan metrik, minyak isirong sawit mentah mengandungi 15 tan metrik, koko mengandungi 10 tan metrik.

tan metrik), berbanding dengan 215,594 lot dalam tempoh yang sama tahun 1993. Jumlah dagangan tersebut adalah bersamaan dengan 9.4 juta tan metrik MKSM, iaitu jauh lebih tinggi daripada pengeluaran negara sebanyak 4.3 juta tan metrik bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1994. Begitu juga, purata dagangan harian dalam tempoh ini meningkat kepada 2,302 lot atau 57,550 tan metrik pada 1994, berbanding dengan 1,339 lot atau 33,475 tan metrik yang dicapai pada tahun 1993. Di samping itu, kedudukan terbuka (open position) bertambah hampir 1.2 kali kepada 9,970 lot pada akhir tempoh yang sama (9,134 lot pada tahun 1993).

Aktiviti urus niaga dalam kontrak MKSM turun-naik dari bulan ke bulan. Pada bulan Januari, urus niaga adalah aktif dengan sejumlah 50,986 lot didagangkan dan purata dagangan harian sebanyak 2,428 lot. Peningkatan minat urus niaga ini mencerminkan volatiliti yang didorong oleh berita mengenai kekurangan pengeluaran dan stok. Keadaan ini, diikuti oleh laporan yang dikeluarkan oleh United States Department of Agriculture (USDA), tentang pengeluaran minyak soya yang lebih rendah, telah membantu meningkatkan harga

minyak sawit. Dalam bulan Februari, urus niaga merosot sedikit disebabkan permintaan yang lemah, di mana hanya 22,649 lot sahaja yang didagangkan. Walau bagaimanapun, pasaran pulih semula dari bulan Mac hingga Jun, mencerminkan pergerakan harga yang 'volatile', berikutan dengan kebimbangan pembeli terhadap bekalan yang ketat dan stok yang berkurangan, jumlah eksport yang lebih besar dan masalah tenaga buruh di Indonesia. Kenyataan Kerajaan India untuk membenarkan import minyak sayuran secara lesen terbuka telah juga mempengaruhi sentimen pasaran. Sejumlah 36,576 lot direkodkan pada bulan Mac, diikuti dengan 47,622 lot pada bulan April, 47,885 lot pada bulan Mei dan 55,752 lot pada bulan Jun. Minat dagangan tidak bertahan pada bulan Julai di mana jumlah dagangan merosot sedikit kepada 52,464 lot. Walau bagaimanapun aktiviti urus niaga pulih semula pada bulan Ogos (61,249 lot) didorong oleh jangkaan pesanan import yang lebih banyak dari negara-negara Mesir, Pakistan dan China.

Selaras dengan harga MKSM yang lebih kukuh di pasaran fizikal, harga purata bulanan bagi MKSM di BKKL meningkat kepada RM1,139 setan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994,

berbanding dengan RM934 setan metrik dalam tempoh yang sama 1993. Paras tertinggi yang dicatatkan ialah RM1,480 setan metrik pada 10 Ogos 1994, sementara paras terendah ialah RM960 setan metrik pada 12 Januari 1994. Peningkatan harga adalah berpunca daripada tahap pengeluaran dan stok yang berkurangan dalam tempoh tersebut. Permintaan yang meningkat dari Mesir, Pakistan, Iran dan Indonesia juga memberi rangsangan kepada pergerakan harga dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

BKKL terus menjalankan usaha-usaha untuk memperolehi dagangan dan keadaan kecairan yang lebih tinggi dalam kontrak-kontrak hadapannya pada tahun 1994. Ke arah ini, BKKL terus memberi tumpuan kepada kontrak minyak kelapa sawit mentah, di samping usaha-usaha untuk menggalakkan minat dagangan dalam kontrak-kontrak lain yang tidak aktif. Usaha-usaha ini termasuklah kegiatan-kegiatan promosi di Indonesia dan penyebaran maklumat tentang potensi dagangan di BKKL.